

KAJIAN NILAI-NILAI KEMANUSIAAN MENERUSI SAJAK  
TERPILIH SUARA WIRAWAN NEGARA BANGSA: ANALISIS  
BERDASARKAN TEORI SOSIOLOGI.

NOORAIZZATI BINTI AHMAD PUAT  
(C19A0390)

UNIVERSITI  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
MALAYSIA  
KELANTAN  
2023



**KAJIAN NILAI-NILAI KEMANUSIAAN MENERUSI SAJAK  
TERPILIH SUARA WIRAWAN NEGARA BANGSA: ANALISIS  
BERDASARKAN TEORI SOSIOLOGI.**

Oleh

**NOORAIZZATI BINTI AHMAD PUAT**

Tesis ini di kemukakan sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah  
Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

 /

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagainaskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

 /

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagainaskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

 /

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

 /

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinantesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

---

TANDATANGAN

990807-08-5742

NO. KAD PENGENALAN  
Tarikh : 15/02/2023

---

TANDATANGAN PENYELIA

Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman

NAMA PENYELIA  
Tarikh : 22/02/2023

## **PENGHARGAAN**

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Nabi Muhammad S.A.W.

Pertamanya, saya ingin menzahirkan seikhlas penghargaan kepada semua pihak yang telah banyak membantu saya dalam menyelesaikan penyelidikan ini. Dengan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman yang telah banyak memberikan ilmu serta tunjuk ajar secara langsung sepanjang proses projek penyelidikan ini.

Di samping itu, saya turut ingin berterima kasih kepada kedua ibu dan bapa serta keluargayang telah banyak memberikan sokongan mahupun dorongan dari segi kewangan dan moral dalam usaha menyuntik semangat yang tinggi ke dalam diri saya supaya dapat menyelesaikan penyelidikan ini dengan jayanya.

Selain itu, saya turut ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat handai serta rakan seperjuangan oleh kerana mereka turut sama membantu dalam memberikan pendapat serta nasihat yang berguna.

Oleh itu, akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung dan secara tidak langsung dalam membantu saya. Kerjasama kesemua pihak amat lah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

| KANDUNGAN   | HALAMAN |
|---|---------|
| PENGESAHAN THESIS   | i       |
| PENGHARGAAN   | ii      |
| ISI KANDUNGAN   | iii-v   |
| ABSTRAK   | vi-vii  |
| BAB 1: PENGENALAN   |         |
| 1.1 Pengenalan  | 1-2     |
| 1.2 Latar Belakang Kajian                                 | 2-4     |
| 1.3 Permasalahan Kajian                                   | 4-5     |
| 1.4 Persoalan Kajian                                      | 5       |
| 1.5 Objektif Kajian                                       | 6       |
| 1.6 Skop Kajian   | 6       |
| 1.7 Kepentingan Kajian                                    | 7-8     |
| 1.8 Definisi Istilah dan Konsep                           | 8-11    |
| 1.9 Organisasi Kajian                                     | 11-13   |
| 1.10 Kesimpulan   | 13-14   |
| BAB 2: KAJIAN LITERATUR                                   |         |
| 2.0 Pengenalan  | 15      |
| 2.1 Kajian Mengenai Pengkarya                             | 16-19   |
| 2.2 Kajian Mengenai Nilai Kemanusiaan Dalam Karya Sastera | 19-22   |
| 2.3 Kajian Teori Sosiologi                                | 22-26   |
| 2.4 Kajian Bidang Lain                                    | 26-32   |
| 2.5 Kesimpulan  | 32      |

**BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

|   |       |
|---|-------|
| 3.0 Pengenalan                              | 33    |
| 3.1 Metodologi Kajian                       | 33-34 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian                      | 34-35 |
| 3.3 Kaedah Kajian                           | 35    |
| 3.3.1 Kaedah Kepustakaan                    | 36    |
| 3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual              | 36-37 |
| Rajah 3.0 Analisis Tekstual                 | 38    |
| 3.3.3 Sumber Internet                       | 38-39 |
| 3.4 Teori Sosiologi                         | 39    |
| 3.4.1 Sejarah Ringkas Teori Sosiologi       | 40-41 |
| 3.4.2 Ciri-Ciri Teori Sosiologi             | 41-42 |
| 3.4.3 Kaedah Pengaplikasian Teori Sosiologi | 42-43 |
| 3.5 Kerangka Kajian                         | 44    |
| Rajah 3.1 Kerangka Kajian                   | 44    |
| 3.6 Kesimpulan                              | 45    |

**BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

|  |       |
|--|-------|
| 4.0 Pengenalan   | 46    |
| 4.1 Sajak Terpilih Suara Wirawan Negara Bangsa           | 46    |
| 4.1.1 Prinsip Teori Sosiologi                            | 46-47 |
| 4.2 Prinsip 1: Hubungan Pengkarya Dengan Masyarakat      | 47-62 |
| 4.3 Prinsip 2: Pengaruh Persekutaran di Dalam Karya      | 62-72 |
| 4.4 Prinsip 3: Peranan dan Pengaruh Karya Kepada Pembaca | 72-78 |
| 4.5 Kesimpulan   | 79    |

**BAB 5: KESIMPULAN**

|   |       |
|---|-------|
| 5.0 Pengenalan  | 80    |
| 5.1 Rumusan Kajian  | 80-82 |
| 5.2 Implikasi Kajian  | 83-86 |
| 5.3 Cadangan  | 86    |
| 5.3.1 Memperkasakan Program Karya Kesusastraan Melayu           | 86-87 |
| 5.3.2 Penulisan Karya Sajak dalam Pembentukan Akhlak Masyarakat | 88    |
| 5.3.3 Pengkaji Lain   | 89    |
| 5.4 Kesimpulan  | 90    |
| RUJUKAN   | 91-95 |

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## Kajian Nilai-Nilai Kemanusiaan Menerusi Sajak Terpilih Suara Wirawan Negara Bangsa: Analisis Berdasarkan Teori Sosiologi

### ABSTRAK

Sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* hasil karya Ramli Abdul Halim merupakan himpunan 105 buah sajak dengan tema berkaitan nasionalisme. Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti nilai-nilai kemasyarakatan yang terkandung dalam sajak terpilih *Suara Wirawan Negara Bangsa* menggunakan teori sosiologi dan mengkaji pemikiran dan nilai pengajaran pada sajak terpilih karya Ramli Abdul Halim dalam konteks masyarakat kontemporari. Kajian ini dilaksanakan dengan pendekatan kualitatif dengan beberapa kaedah kajian iaitu kaedah kepustakaan, analisis tekstual dan rujukan menerusi internet. Kajian ini menilai unsur kemanusiaan yang pernah berlaku pada kehidupan masyarakat pada era sebelum kemerdekaan. Kajian ini menggunakan teori sosiologi menerusi tiga prinsip untuk mengukur gaya kehidupan dan pemikiran di dalam sajak. Menerusi kajian ini, terdapat tiga buah sajak yang mendukung prinsip pertama hubungan pengkarya dengan masyarakat, tiga buah sajak di dalam prinsip kedua pengaruh persekitaran di dalam karya dan dua buah sajak di dalam prinsip ketiga peranan dan pengaruh karya kepada pembaca. Oleh itu, kajian ini perlu diteruskan dengan mencadangkan tiga aspek iaitu memperkasakan program kesusastraan Melayu, penulisan karya sajak dalam pembentukan akhlak masyarakat dan pengkaji lain.

**Kata kunci:** *Suara Wirawan Negara Bangsa, Ramli Abdul Halim, Nasionalisme, Kemanusiaan, Sosiologi.*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **The Study of Human Values on Selected Poems in *Suara Wirawan Negara Bangsa*: Analysis Based on Sociology Theory**

### **ABSTRACT**

*Suara Wirawan Negara Bangsa* by Ramli Abdul Halim is the Malay Literature included 105 nationalism poems. This study is conducted to identify the human values inside the *Suara Wirawan Negara Bangsa* based on sociology theory and to investigate the ideology that related to contemporary people. This research used qualitative study with several methods which is literature review, textual analysis and internet source. This research to investigate the human values from the real situation based on the real story in colonial era. This study used sociology theory which is three disciplinary as the measurement to find out the correlation between human values and artist's philosophy. The findings of this research define three poems in principal 1 which is the relationship between artist with community, principal 2 the influence of surrounding inside poems which include three poems and two poems inside the principal 3 which is the role of poems towards readers. Hence, researcher suggested for three recommendations for future research which is enhancing Malay literature programme, involvement writing Malay literature for forming moral identity and last opinion on future researcher.

**Keywords:** *Suara Wirawan Negara Bangsa*, Ramli Abdul Halim, Nationalism, Human Values, Sociology.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan secara umum mengenai kajian kumpulan sajak yang bertajuk *Suara Wirawan Negara Bangsa* karya Ramli Abdul Halim yang memaparkan kisah hidup gambaran kepahlawanan serta nilai pengajaran dalam sajak tersebut. Sajak merupakan puisi moden yang berbentuk karangan berangkap, tidak terikat dan bebas. Sajak tergolong dalam genre sastera yang melambangkan budaya masyarakat Melayu serta cara pemikiran masyarakat Melayu itu sendiri sewaktu berbahasa. Sajak juga merupakan luahan perasaan pengarang kerana ianya lahir dari jiwa seseorang. Sajak turut dapat memberikan gambaran serta renungan terhadap masyarakat supaya mereka lebih menghayati makna dalam sajak tersebut. Karya ini memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat supaya mempunyai daya pemikiran yang matang disebabkan banyak nilai-nilai pengajaran diterapkan berkaitan dalam menjalani kehidupan sezaman. Setiap makna sajak ini sememangnya mempunyai nilai-nilai moral yang dititipkan oleh penulis kerana ianya bertujuan memacu masyarakat ke arah yang lebih baik supaya masa depan masyarakat harmoni.

Pengkaji menggunakan teori sosiologi sebagai panduan untuk melaksanakan kajian. Menurut Mohamad Kamil (1996), sosiologi berasal daripada perkataan *Sociologie* ditemukan pada abad ke 18 iaitu ilmu kemasyarakatan yang diusulkan oleh seorang ahli falsafah Perancis iaitu Aguste Comte sekitar tahun 1798 sehingga 1857. Hal ini kerana sosiologi amat penting dalam menjalani kehidupan untuk memastikan perhubungan interaksi antara manusia berkesan menerusi ilmu pengetahuan sosiologi.

Sosiologi juga bertunjangkan kepada dua kata berdasarkan etimologi sosiologi iaitu *socius* bermaksud hidup bersama manakala *logos* pula merupakan ilmu pengetahuan. Menurut Rahimah Abdul Aziz (1990), sosiologi adalah suatu fenomena sosial dalam kehidupan masyarakat kini. Dalam hal ini, sosiologi mempunyai kaitan dengan sejarah. Sosiologi sejarah tidak dapat dipisahkan oleh kerana kehidupan pada masa lampau adalah merupakan gambaran yang dapat dilihat dalam kehidupan manusia serta meliputi pelbagai aspek seperti peristiwa-peristiwa yang berlaku, konflik dalam masyarakat, perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan sebagainya. Sosiologi juga merupakan suatu yang dipanggil sebagai disiplin kerana ianya meliputi sifat perilaku manusia, mempengaruhi struktur sosial dan memberikan tumpuan terhadap sektor ekonomi, politik, budaya masyarakat dan sebagainya. Kajian tentang teori sosiologi ini sangat penting kerana ianya bermula dengan kajian pemerhatian mengenai peranan dalam beberapa asas. Kehidupan masyarakat telah mewujudkan teori sosiologi sebagai panduan untuk mengkaji dengan mendalam mengenai tingkah laku sosial masyarakat itu sendiri. Teori sosiologi ini juga memberikan peluang kepada kehidupan bersandarkan kepada peristiwa seseorang melaksanakan keputusan dalam kehidupan yang baik untuk kepentingan semua masyarakat. Teori sosiologi ini juga dapat meningkatkan kehidupan masyarakat dalam menjalani kehidupan. Sebagai contoh, jika seseorang itu berkomunikasi dengan baik maka ianya boleh meningkatkan hubungan yang akrab sesama masyarakat di samping dapat menjadikan suasana dalam sesebuah masyarakat itu lebih harmoni.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Penyelidikan ini mengenai himpunan puisi moden iaitu sajak yang bertajuk *Suara Wirawan Negara Bangsa* karya Ramli Abdul Halim serta diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2017. Sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* ini

mengandungi sebanyak 105 buah sajak yang terdiri pelbagai tema dan salah satu tema utamanya adalah berkisarkan semangat kepahlawanan wira negara. Kajian ini berkisarkan tentang nilai-nilai kemanusiaan yang cuba diangkat oleh pengarang dalam setiap tema yang ditulis dalam karyanya. Bagi mengukur nilai- nilai kemanusiaan ini pengkaji menggunakan teori sosiologi sebagai penanda aras dalam menilai struktur analisis kajian yang dilaksanakan. Matlamat yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini adalah mengenal pasti nilai-nilai kemasyarakatan dan mengkaji pemikiran yang mempunyai pengajaran dalam konteks kehidupan masyarakat. Kajian ini memperincikan beberapa tema berkaitan perjuangan masyarakat Melayu terdahulu. Dalam hal ini, pengkaji ingin merungkai permasalahan yang menjadi persoalan dalam pemikiran pembaca mengenai nilai-nilai kemasyarakatan. Selain itu, kajian ini berperanan dalam menyelesaikan kesulitan kepada pembaca untuk meningkatkan pemahaman terhadap ideologi disebalik sajak yang dikarang oleh Ramli Abdul Halim. Oleh itu, sajak yang terpilih dalam *Suara Wirawan Negara Bangsa* merupakan sajak yang mempunyai nilai kepahlawanan seorang pejuang bangsa yang telah bekorban demi menyumbang kepada kemerdekaan dan terus dirasai dengan kemajuan negara kini.

Dewasa ini, masyarakat perlu mencontohi sifat yang lahir di dalam diri seorang pahlawan terdahulu oleh kerana jasa yang ditaburkan dapat menikmati kebaikannya sehingga kini. Banyak nilai kemanusiaan yang diterapkan di dalam sajak tersebut berdasarkan kehidupan sebenar. Di samping itu, pengkarya ingin meluahkan isi hati beliau mengenai kesukaran dan keperitan hidup pada era penjajahan bagi memberi gambaran sebenar situasi Tanah Melayu dahulu kepada masyarakat kini. Oleh hal yang demikian, kajian ini merupakan insiatif pengkaji bagi memastikan kelangsungan kajian terhadap puisi moden diangkat supaya dapat memastikan kelangsungannya di

masa hadapan. Malahan, sajak yang sarat dengan unsur patriotisme dan nasionalisme mampu meninggalkan kesan emosi dan dapat mempengaruhi corak pemikiran individu. Menerusi kajian ilmiah ini, pengkaji ingin memberikan impak positif iaitu membantu perkembangan institusi sosial dalam kalangan masyarakat untuk memastikan persepsi positif terhadap karya sastera dapat dikekalkan.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Isu kekeliruan dalam memahami mesej berkaitan nilai-nilai kemasyarakatan di dalam sajak Melayu telah memandu kepada permasalahan kajian. Cabaran hebat dari bidang sains dan teknologi telah sedikit sebanyak mengubah persepsi masyarakat daripada pemikiran aliran sastera kepada aliran sains. Oleh itu, faktor kurang pendedahan terhadap bahan sastera meninggalkan kesan jangka panjang kepada generasi kini. Kesukaran dalam memahami setiap makna perlapisan daripada puisi moden menyebabkan sajak semakin kurang mendapat perhatian. Namun begitu, intipati sajak yang dikarang sangat tinggi nilai dan persoalan yang banyak menyentuh realiti kehidupan manusia seperti percampuran aspek politik dalam kehidupan masyarakat terdahulu. Menurut Shamsudin et. al (2014), karya sastera banyak mengajar erti sebuah nilai kehidupan yang berkait rapat dengan pembentukan modal insan yang berguna. Oleh hal yang demikian, sajak yang bertujuan sebagai medium komunikasi puitis mencakupi nilai kemanusiaan menjadi kurang efektif kerana golongan anak muda dilihat kurang arif mendalami isu yang dibangkitkan. Seterusnya, kelemahan penguasaan elemen puitis menyukarkan lagi setiap persoalan sajak dirungkai dan menimbulkan kekeliruan kepada mereka. Tambahan pula, penyampaian maklumat menerusi perlapisan ayat meningkatkan potensi terjemahan isi kandungan sajak menyimpang daripada pemikiran asal pengkarya. Situasi seperti ini menyebabkan objektif pengkarya tidak menepati piawaian oleh kerana karya beliau hanya dibaca

tanpa adanya unsur penghayatan. Keindahan karya sastera akan dirasai dengan menjiwai setiap kehalusan jalinan dan siratan makna serta menjadi perantaraan komunikasi massa antara pengarang dengan khalayak umum (Norizam dan Shaiful, 2015).

Kesukaran dalam meneliti dan merungkai tahap pemahaman pemikiran yang terdapat dalam karya Ramli Abdul Halim telah mendorong kepada kajian ini dilakukan. Dewasa ini, terdapat segelintir masyarakat kurang mementingkan nilai patriotisme yang juga dilihat semakin luntur secara zahirnya sebagai contoh peristiwa membakar bendera jalur gemilang di Dungun pada November 2022. Walhal, sesetengah daripada mereka kurang endah dengan perkara yang dianggap simbolik dengan negara seperti mengibarkan bendera kebangsaan dan lagu-lagu patriotik. Menurut Fathin Noor dan Azhar (2018), pendedahan menyeluruh terhadap unsur intrinsik dan ekstrinsik meluaskan pemikiran pelajar untuk memberi kesedaran di mana sastera adalah sebahagian daripada kehidupan manusia. Tegasnya, karya puisi memupuk cara berfikir lebih matang dan perkembangan keperibadian menuju alam dewasa. Permasalahan ini berpotensi menjadi semakin serius oleh kerana hanya segelintir masyarakat yang mengendahkan nilai-nilai murni.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

1. Apakah nilai-nilai kemasyarakatan dalam sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* yang dapat ditelusuri menerusi teori sosiologi?
2. Bagaimanakah karya sajak Ramli Abdul Halim mampu memberikan pengajaran melalui aspek pemikiran yang disisipkan dalam konteks masyarakat kini?

## 1.5 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti nilai-nilai kemasyarakatan yang terkandung dalam sajak terpilih *Suara Wirawan Negara Bangsa* menggunakan teori sosiologi.
2. Mengkaji pemikiran dan nilai pengajaran pada sajak terpilih *Suara Wirawan Negara Bangsa* karya Ramli Abdul Halim dalam konteks masyarakat kontemporari.

## 1.6 Skop Kajian

Penyelidikan ini menfokuskan karya puisi moden dengan menggunakan buku yang berjudul *Suara Wirawan Negara Bangsa* hasil penulisan Ramli Abdul Halim terbitan 2017. Tumpuan penyelidikan ini untuk mendalami dua sudut perspektif iaitu mengenal pasti nilai kemasyarakatan yang disisipkan menerusi beberapa sajak terpilih berkaitan penegasan terhadap martabat, kedaulatan, keimanan, moral, etika kesopanan dan patriotisme. Kajian ini akan dianalisis berdasarkan lapan sajak terpilih yang meliputi tema sedemikian menggunakan tiga prinsip di dalam teori sosiologi. Batasan kajian seterusnya adalah menyelami ideologi atau falsafah penulis yang membawa mesej berbentuk pengajaran, kesedaran dan nasihat di dalam sajak-sajak tertentu.

Selain itu, input kajian dilakukan bersandarkan teori sosiologi yang secara ringkasnya sebagai pengukur objektif bagi menilai aspek kehidupan masyarakat pada peringkat sosial, politik dan ekonomi. Pun begitu, pemikiran ini diseimbangkan dengan objektif kajian hujahan berkisarkan penerangan nilai kemanusiaan yang menjadi tema sandaran sajak. Pengkaji berpendapat nilai murni seperti ini akrab dengan kehidupan masyarakat Melayu terdahulu yang didorong oleh faktor persekitaran. Oleh itu, perbincangan dapatan kajian hanya meliputi dua perkara yang menjadi matlamat utama kajian ini.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji ingin memberikan pendedahan dan sumber rujukan kepada bakal pengkaji untuk melanjutkan kajian berdasarkan puisi moden tempatan dengan mempelbagaikan corak batasan kajian yang lebih khusus dan menarik. Selain itu, hasil penyelidikan ini adalah usaha pengkaji untuk menonjolkan falsafah yang dikaitkan dengan kehidupan masyarakat di dalam sajak melalui penyampaian berbentuk penulisan ilmiah yang mudah serta jelas untuk difahami oleh setiap lapisan masyarakat. Menurut Menurut Vasanthan, Chander dan Nadrajan (2019), nilai moral mudah dikesan setelah memahami setiap situasi beserta konflik yang diangkat di dalam sebuah karya sastera. Oleh hal yang demikian, kajian ini diharapkan akan memberikan sumbangan dari aspek pengetahuan kepada komuniti supaya generasi kini dan masa hadapan memperoleh manfaat daripada setiap mesej yang diutarakan oleh pemikiran asli golongan para intelek. Malah, kajian ini bertindak sebagai bahan rangsangan minda supaya masyarakat lebih berfikiran terbuka apabila mendalmi keunikan sajak dan menelusuri pemikiran agung di sebalik karya sajak yang didokumentasikan mahupun dibicarakan secara lisan. Oleh itu, hasil kajian ini membantu dalam meningkatkan daya pemikiran golongan pembaca untuk memahami sajak daripada pelbagai sudut yang berbeza.

Di samping itu, penyelidikan ini juga membantu dari sudut pandangan kepada bakal pengkarya bebas untuk lebih memperhalusi estetika karya sastera dan mengenal pasti aspek penting yang perlu ditekankan dalam proses pengolahan sajak supaya memberi sentuhan emosi dan meninggalkan kesan kepada dalaman diri seseorang pembaca. Oleh itu, pengkaji meletakkan kajian ini sebagai rujukan yang membantu kepada perkembangan ilmu dari segi penyelidikan. Manakala daripada sudut

lingistik, kajian ini membantu penyelarasan dalam pemilihan kosa kata bagi pengolahan karya puisi menepati tahap pemikiran pembaca.

## 1.8 Definisi Istilah dan Konsep

### 1.8.1 Nilai-Nilai Kemanusiaan

Pengertian nilai kemanusiaan menurut Sukayasa (2014), suatu nilai merangkumi sifat berbentuk universal yang berkembang melahirkan ciri-ciri dalam seseorang manusia merujuk kepada jati diri ke arah positif seperti kejujuran, keharmonian, kasih sayang dan nilai moral lain. Selain itu menurut Zurina dan Hukil (2008) nilai kemanusiaan merujuk kepada suatu set atau sistem yang berkait dengan semua aspek kehidupan manusia. Oleh hal yang demikian, nilai kemanusiaan dekat dengan pendirian seseorang berupaya menjadi agen pemboleh ubah kepada matlamat, sebab dan justifikasi terhadap setiap tindakan yang diambil. Di dalam kajian ini, pengkaji ingin menekankan sistem nilai masyarakat dengan mempamerkan kriteria pengamalan budaya sosial yang dihormati, dipatuhi dan disenangi. Lazimnya, komponen nilai kemasyarakatan berupaya berubah dengan penyesuaian konteks kehidupan sezaman. Tema perjuangan atau nasionalisme di dalam sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* memperlihatkan kegigihan, keberanian dan keteguhan semangat cinta akan negara yang wujud pada setiap diri masyarakat Melayu terdahulu tidak disangkal lagi. Oleh itu, nilai-nilai kemanusiaan adalah suatu nilai yang terkandung di dalam kelompok sosial tertentu dan asasnya lahir pembangunan diri seseorang individu.

### 1.8.2 Nasionalisme

Konsep nasionalisme juga berhubungan dengan konteks wirawan di dalam kajian. Konsep ini merujuk kepada ungkapan kepahlawanan atau hero dalam sesebuah zaman. Berdasarkan Franco, Blau dan Zimbardo (2011), kepahlawanan lazimnya dikaitkan dengan keistimewaan perilaku dan kemahiran yang hanya dicapai individu tertentu oleh kerana faktor berisiko tinggi terhadap diri sendiri. Kepahlawanan juga merupakan sumbangan individu kepada sosial secara sukarelawan atas dasar keprihatinan dan semangat patriotisme. Konsep wirawan berbeza diukur daripada tiga sudut iaitu sejarah, budaya dan situasi semasa. Hal ini demikian kerana, sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* menekankan inti pati khusus berkisarkan semangat juang dan nasionalisme. Perjuangan ini dirungkai dengan mengisarkan bagaimana desakan hidup membangkitkan semangat perjuangan Tanah Melayu pada zaman penjajahan. Semangat perjuangan ditakrifkan dalam sajak dari segi keberanian, kecekalan dan perpaduan yang membentuk asas kepada unsur patriotisme. Justeru, semangat nasionalisme disifatkan sebagai jati diri yang lahir secara semula jadi atas faktor luaran seperti sejarah kehidupan.

### 1.8.3 Unsur Tersirat

Himpunan sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* mempunyai perlapisan makna yang perlu difahami agar inti pati mesej selari dengan pemikiran yang digarapkan. Menurut Asbol Mail (2011), unsur tersirat sebagai motif tersembunyi diletakkan di dalam sesuatu karya sastera yang memerlukan kemahiran pengamatan untuk mengetahui mesej sebenar. Di samping itu, berdasarkan terjemahan oleh Syamsidah dan Masittah (2014), makna tersirat ialah kecaburan makna sesuatu ayat yang hanya difahami oleh segelintir individu yang mahir dengan bahasa figuratif dan memahami selok belok

mengenai budaya masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian, unsur tersirat di dalam penyelidikan berbentuk sebuah mesej disebalik penggunaan perlambangan dan metafora. Oleh itu, makna tersirat dapat disifatkan sebagai sesuatu makna yang ditafsir melalui pemahaman yang kukuh terhadap bidang sastera.

#### **1.8.4 Realisme**

Menurut Asyraff dan Mary Fatimah (2021) dalam pandangan Gorky (1934), realisme bermaksud satu aliran sastera yang mengutamakan kehidupan sosial masyarakat. Realisme di dalam penyelidikan menekankan hukum realiti kehidupan yang menolak elemen cereka. Oleh hal yang demikian, aliran realisme di dalam sajak dapat dihayati dengan pengamatan menerusi sajak bertemakan nasionalisme untuk mengenal latar belakang kehidupan, keperitan dan kesusahan yang pernah berlaku. Justeru, secara teknikal karya agung ini banyak mengadaptasi kisah realiti untuk mengangkat makna sebuah kehidupan supaya melahirkan sentuhan emosi dan menimbulkan kesedaran sejagat tentang beberapa peristiwa terdahulu sebagai iktibar dan pengajaran.

#### **1.8.5 Sosiologi**

Berdasarkan Tjipto Subadi (2008), sosiologi adalah cabang ilmu sosial yang bersifat logik dan wujud fakta yang menerangkan kejadian dalam sesuatu kehidupan masyarakat. Menurut Dr. Tjipto Subadi teori sosiologi berkait rapat dengan ilmu pengetahuan yang mempunyai unsur pemerhatian. Menurut Aimi Khairunnisa dan Nurliana (2020), sosiologi adalah pemerhatian terhadap keseluruhan aspek kehidupan manusia yang menitikberatkan aktiviti sosial. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), sosiologi merupakan kajian yang berfokus kepada perkembangan institusi

masyarakat dalam kehidupan realiti. Oleh itu, aspek sosiologi di dalam kajian berkaitan dengan sejarah hidup masyarakat Melayu tradisional semasa era penjajahan.

### **1.8.6 Masyarakat Kontemporari**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) kontemporari adalah sesuatu perubahan peristiwa semasa. Oleh itu, masyarakat kontemporari iaitu masyarakat yang masih meneruskan kehidupan pada zaman kini disebabkan oleh perkembangan sosial dan sejarah. Dalam perspektif penyelidikan masyarakat kontemporari merujuk kepada masyarakat Melayu moden yang mempunyai kaitan dengan masyarakat Melayu tradisional. Oleh itu, masyarakat kontemporari juga merujuk kepada masyarakat yang masih hidup pada tahun 2022 ini.

## **1.9 Organisasi Kajian**

Organisasi kajian adalah rumusan setiap bab yang terkandung di dalam penyelidikan ini. Hal ini demikian kerana, bahagian ini adalah untuk meleraikan setiap bab supaya setiap proses kajian dapat dilaksanakan lebih bersistematik, mempunyai gerak kerja yang teratur dan mencapai piawaian kajian.

### **1.9.1 Bab 1**

Di dalam bab pertama ini merangkumi aspek asas yang wujud di dalam sebuah kajian ilmiah seperti pengenalan, latar belakang penyelidikan, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi istilah, organisasi kajian yang akan dikemaskini mengikut perkembangan semasa kajian dan rumusan keseluruhan kajian. Justeru, bahagian ini akan dilakukan berdasarkan lima

pembahagian bab yang akan diteruskan dengan bab dua kajian literatur, bab tiga metodologi kajian, bab empat perbincangan dan analisis kajian dan bab lima penutup.

### **1.9.2 Bab 2**

Bab kedua mengandungi perbincangan mengenai kajian terdahulu yang telah diterbitkan. Menerusi bab kedua pengkaji akan menilai artikel berkait rapat dengan penyelidikan yang bakal dilaksanakan oleh pengkaji. Berdasarkan bab kedua ini akan menjelaskan rumusan daripada setiap kajian untuk dijadikan panduan dan perbandingan supaya kajian yang dijalankan dapat menghasilkan dapatan baharu sebagai panduan kepada para pengkaji di masa hadapan.

### **1.9.3 Bab 3**

Bab ketiga adalah metodologi kajian di mana bab ini akan menerangkan kaedah atau pendekatan yang akan digunakan dalam melaksanakan kajian dan pemerolehan data kajian. Bab ini merupakan bahagian yang penting kerana menjadi panduan kepada pengkaji untuk merangka struktur kajian dengan lebih teratur dan sistematik. Bab ketiga akan menerangkan tentang kaedah perlaksanaan kajian, sejarah teori, kaedah menganalisis dan kerangka teoritikal.

### **1.9.4 Bab 4**

Bab keempat mengenai analisis dapatan kajian iaitu pengkaji akan menghuraikan data daripada sajak terpilih pada buku *Suara Wirawan Negara Bangsa* menggunakan teknik dan kaedah yang diterangkan pada bab 3 metodologi kajian. Bab empat memfokuskan penerangan secara terperinci dengan disertakan contoh dan kenyataan yang munasabah berdasarkan teori sosiologi.

### 1.9.5 Bab 5

Bab kelima adalah bab terakhir di dalam kajian iaitu kesimpulan yang merangkumi beberapa sub topik iaitu rumusan kajian, implikasi kajian dan cadangan pengkaji. Oleh itu, bab ini akan mengulas pandangan pengkaji secara menyeluruh daripada hasil analisis kajian bagi memberi kefahaman secara umum.

### 1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, konsep sajak yang didasari oleh nilai kemasyarakatan sangat bersesuaian untuk diangkat di Malaysia. Hal ini demikian kerana, kepelbagaian kaum sudah semestinya memerlukan inisiatif mengekalkan semangat perpaduan dalam diri setiap masyarakat. Kebijaksanaan dan kreativiti kepengarangan Ramli Abdul Halim di tampilkan pada karya beliau menerusi pandangan dan idea daripada realiti pengalaman hidup yang dilalui beliau sebelum era kemerdekaan dijadikan mesej utama karya puisi. Usaha ini dilakukan kerana keruntuhan moral dan jati diri manusia yang kian memudar berpotensi menjelaskan institusi sosial dan keharmonian sejagat.

Setiap gaya bahasa dan pemilihan kosa kata dalam sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* mementingkan estetika bahasa disesuaikan dengan elemen nasihat dan pengajaran yang diadaptasi daripada peristiwa kesusahan dan keperitan dialami oleh masyarakat Melayu terdahulu. Oleh itu, isu yang dibangkitkan oleh Ramli Abdul Halim sarat dengan mesej berdasarkan perjalanan tentang perjuangan untuk mengecapi kemerdekaan daripada penajah asing.

Walau bagaimanapun, strategi penyampaian falsafah melalui medium penulisan karya sastera dilihat mengundang permasalahan kepada generasi muda dari segi ketepatan memahami dan kurang kesedaran daripada inti pati sajak. Faktor penggunaan gaya bahasa yang tinggi adalah punca utama kesulitan seperti ini berlaku.

Oleh hal yang demikian, penyelidikan ini berfungsi menjelaskan pemikiran tersurat dan tersirat kepada komuniti. Tanpa adanya penyelidikan yang mengetengahkan karya puisi ini, dikhuatiri akan menjadi permasalahan kepada perkembangan aliran sastera.

Secara teknikal, bab pertama ini memberikan pandangan dan gambaran awal kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian. Hal ini demikian kerana, bab ini merangkumi bahagian tertentu mendedahkan pengkaji kepada pemikiran kritis dan memahami dengan terperinci mengenai puisi *Suara Wirawan Negara Bangsa*. Menerusi bab pertama ini juga ia membantu pengkaji supaya proses penyelidikan sentiasa berada dalam lingkungan objektif dalam menghasilkan dapatan yang memberi sumber pengetahuan dan mengubah corak pemikiran masyarakat mengenai falsafah sajak. Justeru, bab pertama ini sebagai titik tolak permulaan bagi pembentukan sebuah kajian berstrukur ilmiah.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 Pengenalan

Menerusi bab ini, pengkaji akan meneliti beberapa tinjauan kajian lepas yang berkait rapat dengan fokus kajian. Tinjauan ini penting demi memberi ruang kepada pengkaji untuk melihat bidang sosiologi daripada cabang serta aliran yang berbeza untuk menguatkan kefahaman terhadap penyelidikan ini. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menapis dan memilih hasil- hasil penulisan ilmiah yang berkaitan untuk diulas kandungan setiap kajian tersebut. Di samping itu, pengkaji memandang serius akan aspek kualiti kajian. Demi menjaga mutu penyelidikan ini, pengkaji mengambil kertas penyelidikan seperti artikel dan jurnal yang telah diterbitkan daripada sumber yang sahih. Hal ini demikian kerana, kandungan daripada sumber tersebut sudah semestinya berdasarkan maklumat yang tepat malah membantu mengekalkan kelangsungan kajian.

Menurut Idris dan Rahimin (2006) dalam pandangan Fink (1998), kajian literatur adalah bahagian wajib dalam sesuatu kajian, bab ini cenderung ke arah penelitian terhadap hasil penulisan ilmiah oleh pengkaji lepas yang dinilai dan ditafsir secara sistematis untuk mencipta perbandingan dan melihat keselarian antara kajian lepas dan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Dalam bab ini, pengkaji ingin melihat hubungan pelbagai sudut yang wujud antara kajian rentas berkenaan bidang sosiologi. Justeru, bab ini akan mengulas beberapa aspek yang berkaitan dengan skop penyelidikan seperti latar belakang Ramlil Abdul Halim, karya *Suara Wirawan Negara Bangsa*, teori Sosiologi dan bidang lain yang membawa isu nilai kemanusiaan.

## 2.1 Kajian Mengenai Pengkarya

Gaya kepengarangan menentukan estetika karya yang dihasilkan kaya dengan falsafah atau sebaliknya. Menurut Norazimah (2014) dalam penulisan kajiannya iaitu *Konsep Kepengarangan Melayu Tradisional dan Peranan Penceritaan* memperincikan pemikiran kreatif pengarang dalam pengolahan alur penceritaan berbeza antara sastera Melayu tradisional dan moden. Karya sastera yang dihasilkan oleh pengkarya terdapat mesej penting disebalik nilai-nilai hiburan. Corak penulisan karya sastera Melayu tradisional menjurus kepada tiga kategori iaitu rohani, faedah dan keindahan. Kepakaran penulisan pengkarya sastera menerapkan elemen tersebut dalam teknik penulisan akan menghasilkan karya bermutu. Oleh itu, artikel ini memperincikan karya sastera adalah hasil nukilan asli pengarang yang diterjemahkan ke dalam penulisan untuk difahami setiap falsafahnya. Bahasa digunakan adalah Melayu klasik dengan banyak menerapkan ayat songsang yang panjang juga merupakan teknik kepengarangan yang terkenal dalam karya tersebut. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini hanya tertumpu kepada corak penulisan karya tradisional. Manakala dalam kajian pengkaji meneliti beberapa aspek iaitu pemilihan kata yang digunakan dalam sajak untuk memberi kesan emosi terhadap pembaca.

Selain itu, berdasarkan penyelidikan Mohd Faradi (2021) bertajuk *Gaya Bahasa Dalam Kepengarangan Puisi* menerangkan keunggulan pengkarya meningkatkan estetika karya puisi dengan penggunaan diksi yang tepat. Kajian ini juga melihat perbandingan antara penyair di Malaysia dan Indonesia dari segi kreativiti pengolahan bahasa. Setiap penulisan pengkarya dianalisis dengan lebih teliti, kaedah kualitatif digunakan dalam kajian tekstual ini dan teori stilistik sebagai medium pengukuran gaya bahasa. Aliran realisme banyak ditekankan bagi setiap pengkarya serta kepelbagaiannya penulisan oleh kerana teknik gaya bahasa bergantung

keperibadian seseorang pengkarya. Oleh hal yang demikian, pengkarya Malaysia menghasilkan penulisan berbentuk realiti daripada pengalaman lalu. Oleh itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji telah menfokuskan kepada nilai estetika dalam karya puisi manakala kajian oleh pengkaji yang akan melihat unsur realisme dalam karya sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* yang berlaku sebelum kemerdekaan.

Lazimnya dalam penulisan pengkarya sastera mencakupi pelbagai aspek pemikiran diselitkan dengan luahan emosi untuk menimbulkan kesan penghayatan. Dalam kajian bertajuk *Penulisan Kreatif Dalam Menjana Minda dan Sumber Pendapatan Belia* dikaji oleh Siti Khariah (2006) menekankan teknik penulisan karya sastera memerlukan pemikiran yang matang dan diselaraskan dengan laras bahasa sastera. Malah, teras utama dalam kajian ini membicarakan konsep penulisan kreatif menjelaskan kaedah penulisan seorang pengkarya berbeza kerana bentuk penulisan bebas berasaskan kepada buah pemikiran dan disertakan dengan daya imaginasi dan kreativiti pengkarya. Teori Pemikiran Bersepadu digunakan untuk mengukur kecenderungan pemikiran pengkarya sastera dalam penulisan karya. Antara falsafah yang dinilai adalah pemikiran kerohanian, pemikiran kesaintifikian, pemikiran kbeitaraan dan pemikiran kekreatifan. Daya pemikiran kreatif adalah kelebihan yang ada pada setiap pengkarya sastera. Oleh itu, kajian di atas menerangkan mengenai penulisan karya yang baik adalah hasil daripada pemikiran yang kreatif, manakala kajian yang dilakukan oleh pengkaji hanya melihat aspek kehidupan dalam bermasyarakat untuk mewujudkan nilai-nilai kemanusiaan dalam diri setiap individu.

Seterusnya, berdasarkan kajian oleh Norazimah (2014) iaitu *Peranan Pengarang Tradisi dalam Melahirkan Masyarakat Pemikir* mengenai kaedah kepengarangan Melayu tradisional sangat menitikberatkan unsur rohani sebagai mesej utama diikuti dengan unsur faedah iaitu manfaat yang diperolehi serta keindahan

merupakan elemen untuk menimbulkan perasaan yang keseronokan dalam menghiburkan hati pembaca. Malahan, kekuatan pengarang terletak pada penulisan iaitu daya kreativiti pengkarya mengolah naratif terutama mampu membuatkan pembaca berimajinasi menerusi ayat di dalam penulisan karya sastera. Dalam perspektif sejarah pula, pengarang mendukung bidang sejarah yang menghubungkan kedua aspek tersebut membentuk karya sastera sejarah meliputi naratif bangsawan dalam mengekalkan kemasyhuran raja. Menerusi kategori karya ini, pengkarya banyak menyelitkan nilai pengajaran untuk mengajar pembaca kepada teladan yang baik. Oleh hal yang demikian, kepengarangan wajib mempunyai ciri pemikir yang kreatif serta berpengetahuan dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Kajian di atas telah menfokuskan terhadap pemikiran masyarakat Melayu yang mengutamakan unsur faedah, manakala kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji menerangkan gaya kehidupan masyarakat tradisional melalui penulisan karyanya yang berunsurkan sejarah.

Demikian juga daripada kajian oleh Rosmizi, Ghazali dan Phaosan (2020) menyatakan bahawa pengkarya sastera berani dalam memberi kritikan, teknik penulisan baharu dalam penceritaan di samping mempunyai gaya tersendiri dalam penciptaan karya sastera. Keunggulan kepengarangan yang dilihat dalam diri setiap pengkarya tradisional adalah memiliki kepintaran bagi menampilkan kreativiti dan keaslian karya demi menyumbang kepada pembangunan masyarakat. Objektif kajian ini iaitu mengenal pasti dan menganalisis perkara berkaitan keunggulan kepengarangan melalui teori teksdealisme dalam teks novel menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kaedah kepustakaan digunakan dalam pengumpulan maklumat mengenai latar belakang, suasana persekitaran, pengalaman serta ilmu bidang sastera yang digarap di dalam penghasilan teks novel. Oleh itu, prinsip kehadiran pengalaman

seseorang penulis sangat penting kerana idea-idea realistik dapat menghasilkan keindahan dan merangkumi falsafah yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, kajian di atas mengkaji tentang keunggulan kepengarangan untuk menjadikan sebuah karya itu memiliki nilai yang tinggi, manakala kajian pengkaji akan memfokuskan terhadap pemikiran pengkarya di sebalik sajak yang menjadi sebuah pengajaran untuk diterapkan dalam kehidupan bermasyarakat pada masa kini.

## 2.2 Kajian Mengenai Nilai Kemanusiaan dalam Karya Sastera

Kajian mengenai tema nilai kemanusiaan diperoleh daripada jurnal *Mesej Nasionalisme Islam dalam Sajak-sajak Zulkifli Muhammad*. Menurut Zabidin (2014) kajian ini bagi menonjolkan nilai perjuangan sebagai proses mengecapi sebuah kemerdekaan dengan menggunakan teori sastera budaya dengan objektif mengkaji perhubungan antara karya kreatif pengarang memberi kesan terhadap perilaku manusia menjurus kepada budaya dan sosial. 13 jenis sajak hasil nukilan Zulkifli Muhammad dianalisis di mana setiap mesej intrinsik ditunjangi oleh dua perspektif pemikiran iaitu sajak bertemakan nasionalisme manakala tiga sajak mengetengahkan ideologi Islam. Sajak merupakan senjata pada zaman tersebut kerana kemampuannya dapat memanipulasikan pemikiran serta meningkatkan kesedaran akan semangat perjuangan di kalangan masyarakat Melayu ketika zaman sebelum kemerdekaan. Oleh itu, kajian Zabidin mengkaji nilai kemanusiaan dari perspektif teori sastera. Namun begitu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji akan melihat nilai kemanusiaan bersandarkan teori sosiologi.

Secara umum, nilai kemanusiaan lahir daripada aspek nilai murni yang memberi inspirasi perilaku yang baik. Merujuk artikel penyelidikan yang bertajuk *Analisis Nilai Murni dalam Manuskrip ‘Hikayat Saerah Dengan Suami’* oleh Eizah,

Tengku Intan dan Zahir (2021) menumpukan nilai murni yang mengambarkan akhlak terpuji daripada personaliti watak-watak dalam *Hikayat Saerah Dengan Suami*. Nilai-nilai yang melapisi penceritaan hikayat ini sarat dengan unsur keperibadian mulia iaitu kesopanan, berakh�ak mulia dan menghormati. Kaedah kepustakaan dengan menganalisis bahan sekunder dan transliterasi digunakan dalam menterjemah hikayat asal daripada bentuk jawi kepada rumi untuk mendalami dan memudahkan penghayatan dirasai. Teori Pengkaedahan Melayu digagaskan oleh Hashim Awang digunakan menerusi pendekatan moral. Namun begitu, kajian yang bakal dilaksanakan oleh pengkaji untuk menganalisis nilai kemanusiaan serta menyelami peristiwa, situasi dan kehidupan manusia menerusi teori sosiologi.

Di samping itu, menurut Nordiana dan et. al (2018) dalam jurnal *Identiti Nasional dalam Penulisan Sajak Nasionalisme Bagi Pelajar Bukan Penutur Jati* memperincikan mengenai semangat cinta akan negara dalam golongan bukan bumiputera lahir daripada puisi moden dengan penegasan terhadap unsur nasionalisme merangkumi tiga cabang iaitu identiti bersama, kesedaran dan ideologi yang mengarah kepada atas pencapaian matlamat bersama. Fokus sajak yang dibentuk menjurus keharmonian emosi dan sahsiah diri berdasarkan pengalaman serta keadaan sezaman. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan secara kualitatif dan teori pendekatan struktural adalah tunjang kepada pengukuran kajian. Hasil yang diperolehi isu identiti nasional dirangkumi kepada lima isu penting antaranya Malaysia, Cinta Akan Negara, Bahasa, Merdeka dan Perpaduan. Nilai kemanusiaan yang lahir daripada setiap penciptaan karya puisi moden ini dapat menepati objektif penghayatan dengan kewujudan perasaan keikhlasan dan perpaduan daripada setiap lapisan bangsa. Setiap isu dilontarkan dengan pelbagai persoalan yang sarat dengan konteks nasional. Malah, penyelidikan yang bertajuk *Nukilan Sajak Merdeka dalam Membangunkan*

*Bahasa, Sastera dan Budaya Bangsa Melalui Pengajian Kesusasteraan Melayu turut membahaskan nilai kemanusiaan dalam puisi moden. Sajak adalah hasil cetusan pemikiran kritis dan kejiwaan pengkarya bersifat dinamik dan berestetika lahir daripada teknik kepenggarangan yang baik serta sentuhan terus ke dalam jiwa audiens dan pembaca. Justeru, kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan sajak nasionalisme dengan keharmonian emosi dan estetikanya.*

Menurut Noraini dan Ani (2017), di dalam penulisan kajiannya bertajuk *Analisis Pengarang Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa Karya Abdul Latif Bin Talip* melihat sudut pemikiran yang digarapkan berdasarkan sejarah dan pengalaman hidup pengarang semasa zaman sebelum kemerdekaan. Namun begitu, pengkaji mendapatkan bahawa kajian ini wujud persamaan iaitu mengenai penerangan situasi semasa sebelum kemerdekaan menerusi karya sastera. Penyelidikan ini juga mendapatkan beberapa nilai-nilai kemanusiaan diangkat di dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Tema yang mendukung novel tersebut berunsurkan nasionalisme iaitu semangat kepahlawanan yang tinggi dalam mempertahankan negara. Teori Sistem Pemikiran Bersepadu menjadi sandaran kepada bentuk kajian ini menfokuskan kepada empat jenis pemikiran iaitu kerohanian menemukan nilai berkaitan keagaamaan, kebitaraan merujuk nilai ilmu, kesaintifikasi berdasarkan nilai kemanusiaan yang mempunyai fakta dan kekreatifan ialah nilai kemanusiaan bersifat pemikiran. Melalui kajian ini, terdapat nilai kemanusiaan berasingan dan tergolong di dalam keempat kategori pemikiran tersebut. Oleh hal yang demikian, penyelidikan ini bersangkutan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji kerana wujud pengukuran terhadap nilai kemanusiaan di dalam sesebuah karya berdasarkan peristiwa benar pada era sebelum kemerdekaan yang diilhamkan daripada pengalaman.

Terdapat juga kajian berkenaan nilai kemanusiaan dalam sastera lisan iaitu cerita rakyat Melayu. Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Muhammad Nur Al-Hakim dan Mohammad Hanafiah (2021) bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Lisan: Suatu Penelitian Takmilah* mengkaji nilai berakhhlak mulia dalam kehidupan menerusi *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* memfokuskan kepada nilai kemanusiaan sebagai objektif penyelidikan. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengemukakan aspek keperibadian diri iaitu merendah diri, baik hati, ketaatan kepada Allah SWT dan perkara yang menampilkan diri ke arah kebaikan menerusi 10 cerita rakyat terpilih. Lima prinsip teori takmilah menjadi asas pengukuran oleh kerana menepati ciri kajian mengenai nilai kemanusiaan yang menonjolkan beberapa nilai baik dalam perspektif Islam menerusi pengkaedahan penulisan kualitatif. Hal ini demikian kerana, fenomena sosial masyarakat Melayu tradisional terdahulu kaya dengan pelbagai budaya dan adat yang dilapisi dengan nilai murni berteraskan Islam. Sehubungan dengan itu, nilai yang ditampilkan lebih menjurus kepada perilaku baik dalam naratif lisan. Kajian ini juga meletakkan cabang pemikiran berpandukan prinsip Islam untuk ditelusuri mengenai tatacara kehidupan masyarakat Melayu terdahulu. Oleh itu, kajian tersebut hanya mengkaji nilai kemanusiaan yang dilihat pada sudut keperibadian diri seseorang manakala kajian yang dilakukan oleh penyelidik lebih menekankan aspek nilai kemanusiaan dalam konteks sosial.

### 2.3 Kajian Teori Sosiologi

Menurut Rahimah Abdul Aziz (1990) di dalam kajiannya yang bertajuk *Perapatan Jurang: Sosiologi dan Sejarah* menyatakan definisi sosiologi ialah fenomena hubungan antara manusia yang diukur kepada konteks strafifikasi sosial, konflik dan kuasa. Beliau mendapati bidang sosiologi dalam sejarah mempunyai perkaitan yang sangat rapat dari segi disiplin ilmunya iaitu mendasari hubungan pengalaman peribadi

dan organisasi sosial. Penguasaan sosiologi telah membangunkan kaedah penerangan berpaksikan kepada corak interpretif atau sebab akibat sesuatu kejadian yang telah berlaku dengan lebih saintifik. Oleh itu, kajian Rahimah Abdul Aziz ini banyak meneliti perkara berkaitan sosiologi dalam sejarah berkenaan sosial dan politik manakala kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah mengkaji isu berkaitan sejarah kehidupan semasa sebelum kemerdekaan menerusi pemahaman makna daripada himpunan sajak Ramli Abdul Halim.

Selain itu, menurut Ungku Maimunah (2006) menerusi artikel beliau *Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastera dalam Sastera Melayu Moden* mengetengahkan sosiologi sastera sebagai bentuk fahaman ditafsir ke dalam teks sastera yang mencerminkan kehidupan realiti masyarakat sama ada dari sudut kontemporari atau kehidupan zaman kolonial. Konsep ini digunakan secara meluas oleh pengkarya yang menjadikan asas kepada kritikan sosiologi menjurus ke arah pembentukan ilmu. Oleh hal yang demikian, sosiologi merupakan aspek kritikal berbanding nilai estetika oleh kerana penerapan sosiologi menghidupkan plot dan tema masyarakat mampu meninggalkan pengalaman kepada pembaca karya kreatif. Oleh itu, kajian oleh Ungku Maimunah hanya mengkaji bidang sosiologi ke arah unsur intrinsik iaitu proses pengolahan penceritaan dalam sesebuah karya sastera manakala kajian yang dilakukan oleh penyelidik mengkaji sosiologi tentang isu di dalam kehidupan sebenar daripada pemikiran yang disisipkan di dalam karya sastera.

Kepentingan sosiologi turut diutarakan di dalam kajian *Kepentingan Teori dan Ilmu Sosiologi dalam Konteks Pendidikan Menurut Perspektif Ibnu Khaldun*. Menurut Aimi Khairunnisa dan Nurliana (2020), tingkah laku sosial dalam kalangan masyarakat yang diukur daripada kajian empirikal membangkitkan teori sosiologi bertindak menyatakan isu sosial serta persepsi awal terhadap keadaan masyarakat pada

kehidupan masa hadapan. Isu sosiologi menjadi agen perubahan sistem pendidikan pada zaman kebangkitan Islam iaitu revolusi pendidikan kepada lebih proaktif kesan perkembangan sosial. Secara rasional persamaan antara sejarah dan sosiologi mampu merungkai isu sosial semasa dengan penentuan kejadian sama ada normal atau luar kebiasaan. Oleh itu, konteks kajian lepas ini lebih menitikberatkan aspek sosiologi dalam konteks penelitian teori sahaja manakala kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah akan melihat perubahan hidup masyarakat berdasarkan situasi zaman penjajahan dan menjadikan teori sosiologi sebagai ukurannya.

Di samping itu, menurut Syafiqah dan Nur Afifah (2020) dalam kajian daripada artikel *Aspek Sosiologi dalam Drama Buang Karya Roziah Adama* mendapati isu yang berlatar belakang kehidupan masyarakat mengandungi perlapisan makna yang membawa nilai pengajaran. Dalam mendalami sosiologi, dua kaedah yang digunakan iaitu menganalisa dan penelitian terperinci terhadap teks iaitu skrip drama. Aspek sosial yang dikemukakan daripada subjek kajian adalah berkait rapat dengan nilai moral sama ada perkara melibatkan kontroversi mahupun amalan murni. Pergolakan dan kepincangan dalam institusi masyarakat diadaptasi ke dalam drama seperti isu kemiskinan, penindasan hak, perkauman dan sebagainya. Pendekatan sosiologi adalah tingkah laku, ragam dan norma masyarakat cenderung bertindakbalas kepada kesan keadaan sekeliling. Hasil dapatan daripada kajian ini mendapati keruntuhan akhlak dan kelemahan iman iaitu berlaku pembuangan bayi adalah sebuah isu berat yang disisipkan di dalam drama kajian dan diikuti isu persepsi negatif masyarakat serta penindasan secara paksaan. Oleh itu, kajian Syafiqah dan Nur Afifah ini mengkaji sosiologi dalam nilai moral sesuatu karya drama. Namun begitu, ianya berbeza dengan kajian pengkaji iaitu akan melihat tentang unsur pengajaran dari pemikiran dan pengalaman sebenar pengkarya daripada sajak berunsurkan

nasionalisme. Jadi, di sinilah perbezaan antara kajian pengkaji dengan kajian Syafiqah dan Nur Afifah tersebut.

Menurut Rustina (2014), menerusi artikel beliau yang bertajuk *Keluarga Dalam Kajian Sosiologi* keluarga adalah kelompok sosial pertama dalam menjalani kehidupan sosial. Kehidupan berkeluarga sangat penting untuk memastikan kebahagiaan pada masa akan datang. Bagi mendirikan keluarga setiap orang mestilah menekankan kepada prinsip perkahwinan iaitu ikatan yang sah antara suami dan isteri supaya hidup lebih terjamin. Keluarga adalah suatu kelompok sosial yang sering berkomunikasi dan mempunyai tempat tinggal bersama. Keluarga juga memainkan peranan dalam memikul tanggungjawab masing-masing untuk kehidupan yang lebih harmoni seperti bekerja demi meneruskan kehidupan serta keluarga akan mewujudkan suatu sistem kesatuan utuh iaitu terdiri daripada ahli keluarga yang saling mempengaruhi dan dipengaruhi antara satu sama lain. Kehidupan berkeluarga mempunyai ciri-ciri antaranya adalah kebersamaan, mempunyai perasaan emosi, pengaruh perkembangan dan sebagainya. Dalam hal ini, dapat disimpulkan bahawa keluarga merupakan kelompok sosial yang kecil terdiri daripada ibu, ayah dan anak sebagai anggota keluarga. Oleh itu, kajian Rustina berkaitan sosiologi dalam institusi kekeluargaan iaitu menilai sesebuah keluarga yang harmoni, manakala kajian yang dilakukan oleh pengkaji akan melihat tentang sosiologi daripada keseluruhan aspek yang berkait dengan kehidupan masyarakat di atas kesan daripada memperjuangkan tanah air.

Selanjutnya, berdasarkan Muhammad Zulazizi (2018) dalam artikel yang bertajuk *Komponen Sosiologi Islam Pemangkin Pembangunan Insan Holistik* menyatakan bahawa manusia mempunyai keimanan dan ketakwaan terhadap pembentukan individu untuk menjadi seorang yang mempunyai arah tuju bagi

mencapai kesejahteraan dalam kehidupan kearah insan yang holistik. Pencapaian yang holistik iaitu kesempurnaan insan itu adalah para nabi dan rasul A.S dan kemuncak dalam kegemilangan pembentukan insan adalah Nabi Muhammad S.A.W Bagi individu yang mempunyai tahap ketakwaan tinggi adalah seseorang umat Islam iaitu mencangkupi tahap kesedaran tinggi dan mempunyai ilmu pengetahuan keagamaan yang mendalam. Konsep sosiologi dalam Islam adalah setiap umat Islam haruslah menjaga hubungan dengan Allah S.W.T, berbuat baik dengan manusia serta sentiasa menyayangi alam sekitar sebaiknya. Hal ini kerana nilai-nilai Islam adalah sangat penting yang menjadi tunjang utama berdasarkan penggabungan prinsip keislaman seperti meningkatkan ketakwaan, berakh�ak mulia dan mempunyai berpengetahuan tinggi. Hal ini juga menunjukkan bahawa prinsip Islam sememangnya harus diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat untuk memupuk kesejahteraan dan mendapat keredhaan dari Allah S.W.T. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa konsep sosiologi mempunyai hubungan antara Allah S.W.T, manusia dan juga alam. Apabila hubungan yang baik diwujudkan maka sesama manusia dapat mengelakkan pertelingkahan antara satu sama lain. Oleh itu, kajian Muhammad Zulazizi mengkaji tentang hubungan sosiologi dengan nilai Islam untuk membentuk modal insan, manakala kajian pengkaji pula akan melihat sosiologi dalam nilai kemanusiaan.

## 2.4 Kajian Bidang Lain

Menurut Ali dan Nor Azilah (2021) dalam artikel beliau yang *bertajuk Hubungan Etnik Di Tanah Melayu 1941-1955: Penelitian Awal Berdasarkan Sudut Pandangan Sejarah* membahaskan mengenai perhubungan antara kaum yang berbilang bangsa demi mempertahankan perpaduan dan peradaban supaya masyarakat dapat menjalani kehidupan yang harmoni. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka merupakan negeri

yang menjadi contoh kepimpinan cemerlang dari corak pemerintahan, ekonomi mahupun politik. Hal ini membuatkan negeri Tanah Melayu di Melaka sentiasa utuh namun telah rapuh berikutan imperialisme dan kolonialisme. Tanah Melayu telah diserang oleh komunis Jepun sehingga menyebabkan berlakunya pergaduhan besar antara kaum Melayu dan Cina pada waktu itu. Selepas Perang Dunia Kedua, hubungan antara kaum berbilang bangsa terjalin kerana masyarakat mempunyai nilai-nilai perpaduan yang menjadi keutamaan untuk mereka membina sebuah negara aman tanpa sebarang pertelingkahan. Bagi mencapai tahap perpaduan dalam masyarakat majmuk, masyarakat mestilah bekerjasama untuk memastikan sesebuah negara sentiasa bertolak ansur dan memupuk kesejahteraan hidup bersama. Konsep pemerintahan negeri Melaka merupakan pentadbiran moden yang berlandaskan kepada ketuanan Melayu. Terdapat pelbagai bangsa dan suku kaum yang berlainan agama telah memasuki Melaka dengan pelbagai corak bahasa untuk meningkatkan sektor ekonomi supaya mereka boleh mencari sumber untuk meneruskan kehidupan. Masyarakat Melaka telah menunjukkan bahawa kehadiran pelbagai bangsa mewujudkan suasana yang harmoni dan Melaka telah memperoleh kejayaan bersama. Sesebuah negara yang mencapai kegemilangan adalah hasil daripada kerjasama persepakatan antara satu sama lain kerana bagi mencapai kejayaan semestinya sebuah negara memerlukan pengorbanan. Oleh itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji mempunyai perbezaan walaupun dari konteks kandungan sejarah berkongsi peristiwa yang sama, pun begitu kajian berkenaan sajak ini lebih menjurus kepada isu-isu berkenaan kehidupan masyarakat pada era sebelum kemerdekaan.

Menurut Abdul Halim (2017), dalam kajiannya yang bertajuk *Perdebatan Antara Kaum Mengenai Isu Kerakyatan Sebelum Merdeka* yang membincangkan tentang hak kerakyatan kaum bukan Melayu sebelum berakhirnya Perang Dunia

Kedua yang menjadi isu hangat dalam kalangan kaum terutamanya bagi kaum orang Melayu. Kajian ini memfokuskan kepada sudut sejarah iaitu isu kehidupan rakyat sebelum kemerdekaan. Selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, dilihat oleh kaum bukan Melayu meninggalkan impak negatif terhadap perjuangan mereka bagi mendapatkan kesaksamaan hak dan hak kerakyatan sebaliknya telah memberikan banyak perlindungan serta mengukuhkan kedudukan bangsa orang Melayu itu sendiri. Hal ini mencetuskan perjuangan orang bukan Melayu untuk mendapatkan hak kerakyatan mereka. Orang Melayu amat bimbang jika hak kerakyatan Melayu dirampas oleh golongan bukan Melayu terutama orang Melayu amat khuatir akan kedudukan dari aspek politik dan ekonomi terjejas. Terdapat juga orang Melayu yang berfikir secara saksama iaitu bersedia memberikan kerakyatan kepada kaum bukan Melayu dan kaum bukan Melayu berpendapat bahawa mereka akan menerima hak keistimewaan orang Melayu, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, kedudukan raja-raja Melayu diutamakan dan bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan. Oleh itu dapat dilihat bahawa masyarakat dahulu telah menerima kaum bukan Melayu sebagai kerakyatan yang sah di Malaysia. Sebelum merdeka orang Melayu menetang Malayan Union kerana mereka menganggap hanya memberikan faedah kepada orang bukan Melayu sahaja. Pada tahun 1946, satu perjanjian dibuat bagi menghapuskan Malayan Union yang telah digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Perjanjian persekutuan ini merupakan tolak ansur sesama kaum dan mereka menginginkan kebebasan serta kedamaian bagi mewujudkan sebuah negara yang harmoni. Jelas bahawa orang Melayu dan bukan Melayu bersama-sama menginginkan kemuncak kemerdekaan iaitu menunjukkan semangat patriotisme dan perpaduan yang utuh di samping dapat melindungi negara dari ancaman penjajah. Oleh itu, kajian mengenai rentas bidang sejarah ini mempunyai perkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh

pengkaji iaitu melihat aspek pengalaman kehidupan sebelum kemerdekaan sebagai pokok utama pemikiran kemanusiaan dalam karya Ramli Abdul Halim.

Menurut Mustari dan Bakhtiar (2020), dalam kajiannya yang bertajuk *Implementasi Nilai Kemanusiaan Dan Nilai Keadilan Pada Pekerja Perempuan (Analisis Terhadap Undang- Undang Ketenagakerjaan)* menyatakan bahawa hak asasi manusia merupakan elemen utama dalam undang-undang pekerja. Hak asasi manusia adalah hak yang harus diperoleh daripada semua golongan masyarakat. Hal ini juga didasari pada prinsip martabat kemanusiaan tanpa mengira warna kulit, kaum umur, kelas dan sebagainya. Secara umumnya, isu pekerja perempuan masih timbul kerana ada segelintir golongan wanita menerima gaji yang kecil berbanding gaji golongan lelaki. Hal ini kerana diskriminasi antara tenaga pekerja lelaki lebih kuat berbanding tenaga kerja wanita menyebabkan ketidakadilan tehadap hak asasi manusia. Bagi mewujudkan negara yang mencapai tahap kegemilangan seharusnya semua golongan masyarakat bersatu hati tanpa mengira kaum, agama dan bangsa. Dalam kehidupan bermasyarakat, prinsip nilai kemanusiaan haruslah diterapkan dalam diri masing-masing agar menjadi seorang insan yang cemerlang pada masa hadapan. Bagi pekerja wanita yang ditindas mereka tidak perlu khuatir kerana hak asasi manusia telah termaktub dalam undang- undang bagi melindungi pekerja perempuan. Mereka telah mendapat hak seperti hak terhadap keselamatan, kesihatan, perlindungan dan sebagainya. Hak asasi manusia ini sangat penting bagi menjamin kehidupan yang lebih baik tanpa menyukarkan golongan yang tertindas. Nilai kemanusiaan haruslah tersemat dalam diri setiap individu tanpa membezakan status politik, etnik, strata sosial masyarakat, ras dan sebagainya. Apabila manusia mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang murni seperti menjaga kepentingan kebajikan pekerja bersama dengan bersikap adil maka manusia tersebut dapat menjalani kehidupan dengan aman dan selesa.

Dalam konteks sesebuah negara yang aman nilai keadilan adalah tunjang utama bagi memastikan negara berada dalam keadaan baik tanpa ada sebarang pertelingkahan. Keadilan dalam negara hendaklah dititikberatkan supaya tiada berlaku ketidakpuasan hati sesama masyarakat sehingga menyebabkan perpecahan antara masyarakat. Oleh itu, kajian di atas menegaskan nilai kemanusiaan menuntut terhadap hak dan keadilan, manakala kajian yang dilakukan oleh pengkaji meneliti aspek kemanusiaan dari sudut pandang berbeza iaitu menilai kegiatan dan cara kehidupan masyarakat terdahulu berdasarkan pengalaman yang digarap di sebalik himpunan sajak.

Selanjutnya, kajian dalam bidang psikologi turut wujud hubungkait dengan nilai kemanusiaan dalam kehidupan. Berdasarkan Hassan Mustafa (2011), menerusi artikel beliau yang bertajuk *Perilaku Manusia Dalam Perspektif Psikologi Sosial* membincangkan tentang psikologi sosial merupakan suatu disiplin yang membawa kepada perilaku manusia sejak azali lagi. Sosiologi juga terbahagi kepada dua perspektif utama iaitu sudut makro yang menekankan kajian tentang struktur sosial dan perspektif mikro yang membawa maksud pada kajian individualistik. Sosiologi juga membawa maksud kepada kehidupan dalam bermasyarakat yang memfokuskan kepada budaya dalam kehidupan serta mempengaruhi interaksi, perilaku dan keperibadian seseorang manusia. Hal ini demikian kerana, perilaku manusia dapat difahami dengan mengukur kecenderungan sifat melalui kognitif. Merujuk pada aspek sosial, kajian ini menyatakan bahawa tindakan manusia berhubung dengan nilai kemanusiaan lahir daripada proses kognitif yang mengawal kehendak seseorang dalam melakukan sesuatu. Malah, di dalam kajian ini turut membahaskan perilaku dengan beberapa kaedah pengukuran perilaku manusia iaitu teori yang berkait dengan bidang psikologi. Antara teori yang digunakan untuk mengukur perhubungan sosiologi dengan kognitif ialah teori struktural. Teori ini mendukung aspek perilaku sosial individu dalam kelompok masyarakat. Berdasarkan perspektif sosiologi, pola

sosial berupaya dikesan daripada corak interaksi yang konsisten. Oleh hal yang demikian, nilai-nilai kemanusiaan yang dilakukan oleh pengkaji perlu diukur melalui beberapa kaedah dalam mengenal pasti perkara ini. Namun begitu, keutamaan yang diletakkan untuk mengesan nilai kemanusiaan adalah dengan memahami pola pemikiran pengkarya.

Menurut Maskur Rosyid (2015) juga menilai perkara-perkara dalam kemanusiaan daripada perspektif Islam dalam artikelnya yang bertajuk *Dimensi Kemanusiaan Dalam Sistem Ekonomi Islam (Sebuah Kajian Dengan Pendekatan Filsafat Hukum Islam)*. Meneliti tentang ekonomi Islam sebagai suatu ilmu yang mempelajari perilaku manusia dalam memenuhi keperluan hidup dengan tujuan memperoleh kesejahteraan di dunia dan akhirat. Bagi mengetahui ilmu dalam ekonomi Islam adalah dapat ditelusuri berdasarkan Al-Quran yang berkaitan dengan ekonomi. Hal ini akan menambahkan lagi ilmu pengetahuan seorang umat Islam bagi mencapai kejayaan di samping mendapat keredhaan Allah. Umat Islam yang menceburi bidang perniagaan hendaklah mempunyai sifat keikhlasan dalam diri dengan niat mencari sumber rezeki kerana Allah S.W.T. Malahan dalam Islam, Allah S.W.T menyeru semua umat Islam untuk berniaga sambil bersedekah adalah merupakan suatu amalan yang wajar dicontohi. Dalam Islam mengajar manusia untuk sentiasa bersyukur dengan apa yang dimiliki tidak kira keuntungan jumlah tersebut diperoleh sedikit mahupun besar. Hal ini kerana Islam dapat mengukuhkan ekonomi mereka dengan cara sentiasa berusaha tanpa mengira kesusahan yang dialami dan tidak bertentangan dengan keimanan serta bertujuan mencari keuntungan di samping menjadi bekal pada hari kiamat. Tujuan ekonomi Islam adalah Allah S.W.T telah menciptakan kehidupan yang aman dan sejahtera bagi memupuk hubungan yang baik sesama insan. Justeru, hasil dapatan kajian ini wujud kesinambungan yang rapat iaitu nilai kemanusiaan perlu mencakupi aspek keagamaan melambangkan elemen positif. Begitu juga dengan

penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji yang ingin mengupas nilai kemanusiaan daripada karya puisi moden yang kaya dengan nilai positif.

## 2.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab dua merumuskan beberapa artikel kajian lepas terpilih sebanyak 20 kajian meliputi artikel dan kajian daripada sumber yang sahih untuk melihat perkara berkaitan daripada pelbagai sudut. Antara aspek yang dititikberatkan seperti ketokohan pengkarya, karya sastera, teori sosiologi dan beberapa bidang yang bersangkutan dengan kehidupan masyarakat. Oleh hal yang demikian, tinjauan kajian lepas ini bertindak sebagai sumber utama dijadikan panduan oleh pengkaji dalam melihat perbandingan dalam skop berlainan. Justeru, kajian literatur ini memberi ruang kepada pengkaji mengenal pasti bahagian-bahagian yang perlu ditekankan dalam sesebuah karya. Malahan, menerusi bab ini dapat membincangkan penyelidikan dari segi batasan kajian yang berbeza membantu dalam penghasilan dapatan yang baik serta memberi ilmu pengetahuan kepada kelompok pembaca. Oleh itu, kajian terdahulu ini juga sebagai garis sempadan kepada pengkaji supaya menilai aspek nilai kemanusiaan pada sudut yang baharu dalam membantu perkembangan kajian.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai bentuk kajian yang digunakan, kaedah pengumpulan maklumat kajian dan menerangkan teori sosiologi dengan lebih terperinci. Dalam bahagian ini juga akan membincangkan struktur kajian, kaedah kajian yang dijalankan dan cara untuk menganalisis teks. Dalam bab ini kaedah pengumpulan data juga dilakukan bagi menganalisis maklumat dan data secara lebih teliti supaya dapat menghasilkan suatu kesahihan data di dalam kajian. Malahan, bab ini turut meliputi perincian mengenai cara kajian dilaksanakan. Kaedah ini digunakan melalui pelbagai cara antaranya menerusi rujukan buku *Suara Wirawan Negara Bangsa* karya Ramli Abdul Halim iaitu mengenai nilai-nilai kemanusiaan bersandarkan teori sosiologi.

#### 3.1 Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah sebuah kerangka kajian merangkumi perkara penting dalam menstruktur keseluruhan kerangka penyelidikan dan memandu kelangsungan proses kajian menepati matlamatnya. Ketelusan data dan pengumpulan maklumat kajian diberikan penegasan sepenuhnya dalam usaha meningkatkan kualiti hasil dapatan kajian. Oleh hal yang demikian, metodologi berfungsi sebagai penanda aras kepada pengkaji supaya memastikan setiap proses pemerolehan data akan menampilkan sesuatu pembaharuan seterusnya menyumbang faedah kepada bidang tertentu terutama dalam sektor pembangunaan kajian. Pun begitu, bagi menghasilkan sebuah

kajian yang menepati ciri-ciri yang baik adalah sangat penting untuk memberi perhatian khusus kepada aspek metodologi kajian supaya penyelidikan tidak menyimpang daripada objektif asal kajian.

Niwana Sudirman (2016), berpendapat bahawa pengumpulan data berdasarkan teknik yang bersesuaian terhadap konsep kajian adalah berpotensi tinggi memperoleh ketepatan data serta memberi gambaran keselarian objektif kajian. Oleh hal demikian, reka bentuk kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah secara pendekatan kualitatif. Hal ini demikian kerana, teknik ini sesuai untuk mengupas malah mencungkil isu yang menjadi topik kajian secara lebih mendalam atau spesifik.

Kualitatif suatu kaedah pengkhususan data ilmiah untuk menerangkan sifat malah situasi manusia dengan menitikberatkan sebuah dapatan data terperinci berdasarkan sampel kajian yang kecil (Jasmi Kamarul Azmi, 2012). Pemilihan kaedah kualitatif adalah lebih terperinci sesuai terhadap kajian karya sastera berbanding kuantitatif yang berstrukturkan pengiraan dan interpretasi terhadap pemerolehan data-data daripada responden.

### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian dilakukan bertujuan untuk mendapat ketepatan data yang dijalankan oleh pengkaji agar data yang diperoleh adalah tepat dan benar. Kajian ini menggunakan pendekatan teknik kualitatif berikutan kajian ini ingin merungkai banyak maklumat mengenai sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* yang berpandukan rujukan daripada internet dan perpustakaan. Reka bentuk kajian ini dilaksanakan untuk menggambarkan secara ringkas proses kajian ini dilakukan.

Struktur kajian ini dilakukan berdasarkan daripada objektif yang hendak dicapai oleh pengkaji iaitu mengenal pasti nilai-nilai kemasyarakatan menggunakan

teori sosiologi serta mengkaji pemikiran dan nilai pengajaran dalam konteks masyarakat kontemporari. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci supaya kaedah kajian masih dilandaskan yang betul. Dengan wujudnya kaedah kajian seperti ini hasil kajian akan mudah difahami malahan segala makluamat kajian dapat dijalankan dengan jelas. Teori sosiologi merupakan tunggak utama dalam kehidupan masyarakat bersosial serta berfungsi untuk melihat sejauh mana teori tersebut memberi impak dalam kelangsungan hidup bagi masyarakat kini.

### **3.3 Kaedah Kajian**

Kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji ini merupakan kajian sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* yang ditulis oleh tokoh Ramli Abdul Halim. Kajian ini dijalankan melalui kaedah kualitatif untuk menghasilkan maklumat yang tepat dalam dapatan kajian. Analisis tekstual juga dilakukan bagi mendapatkan data yang lebih sahih. Berdasarkan kaedah itu, pengkaji dapat melihat isi kandungan yang terdapat dalam sajak tersebut bersandarkan teori sosiologi yang memaparkan kehidupan bermasyarakat serta menggambarkan sebuah kehidupan realiti masyarakat.

Kajian kepustakaan dan internet juga dilakukan untuk memperkuuhkan lagi hujah yang dilakukan berdasarkan teks kajian. Kajian sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* mengisahkan tentang corak kehidupan dalam masyarakat sosial dan kajian ini akan memberi fokus kepada nilai-nilai kemanusiaan dalam masyarakat yang menjadi pengajaran kepada generasi akan datang. Secara jelasnya, nilai-nilai kemanusiaan yang dapat dilihat dalam sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* mengisahkan tentang kehidupan masyarakat dahulu yang berjuang mempertahankan negara demi keamanan masyarakat, agama dan bangsa.

### 3.3.1 Kaedah Perpustakaan

Kaedah ini digunakan bertujuan untuk memfokuskan kepada segala maklumat pencarian bahan di perpustakaan. Pengkaji melakukan pembacaan terhadap penulisan kajian terdahulu yang telah diterbitkan mengenai nilai-nilai kemasyarakatan dalam sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* menerusi teori sosiologi karya Ramli Abdul Halim. Malahan, pengkaji turut merujuk beberapa artikel yang mengupas tentang isu dan pemikiran dalam sajak beliau serta beberapa jurnal antarabangsa yang berkait rapat dengan konteks teori sosiologi. Bahan sekunder berikut diperoleh dengan melayari laman sesawang seperti *Google Scholar*, *Jurnal Researchgate* dan beberapa sumber lain. Justifikasinya, pengkaji ingin memperoleh maklumat sahih dan tepat dalam mengolah dapatan kajian yang bermakna seiring dengan objektif penyelidikan. Hal ini demikian kerana, pembacaan terhadap bahan rujukan tersebut akan menyumbang idea-idea kepada pengkaji dan membimbang aspek penghayatan terhadap isu yang diangkat oleh pengkarya filem. Oleh itu, kaedah ini membantu penulisan ilmiah pengkaji oleh kerana terdapat banyak fakta dan penerangan maklumat yang jelas.


### 3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual

Menurut Nik Murshidah et al. (2018), dalam pandangan Joubish, Farooq dan Asyraf (2011), analisis textual merupakan metodologi yang penting kerana teks dikaji berpandukan pengkaryaannya, ketepatan teks dan makna yang terkandung dalam teks. Kesemua dokumen hendaklah dianalisis dengan tepat supaya pengkaji dapat memperoleh maklumat dan data bagi melaksanakan kajian ini. Setiap analisis dokumen hendaklah dilakukan dengan sebaiknya kerana ianya akan menentukan tahap kesahihan data yang pengkaji peroleh bagi memudahkan kajian dijalankan. Segala maklumat boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk antaranya menggunakan

gambar, bentuk penulisan, rajah dan sebagainya. Dengan melakukan kaedah analisis tekstual, pengkaji dapat membuat suatu kajian lengkap melalui pemerolehan maklumat dan data dapat dikumpul dengan sebaiknya supaya kajian tersebut berada di landasan yang benar.

Terdapat beberapa dokumen yang digunakan dalam melakukan penyelidikan ini antaranya “Researchgate”, “Google Scholar”, jurnal, buku rujukan dan beberapa sumber lain. Semasa pengkaji melakukan penelitian terhadap beberapa dokumen, pengkaji akan menganalisis objektif kajian, tujuan kajian dijalankan, analisis kajian dan melihat hasil kajian yang telah dilaksanakan. Segala maklumat yang diperoleh sangat penting untuk mendapatkan ketepatan dan kebenaran bagi menyempurnakan kajian penyelidikan berkaitan sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* bersandarkan teori sosiologi.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN



Rajah 3.0 Analisis Tekstual

### 3.3.3 Sumber Internet

Pendekatan sumber internet ini digunakan untuk mencari data-data yang berasaskan kepada elemen nilai-nilai kemasyarakatan bagi sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* menggunakan teori sosiologi dan nilai pengajaran dalam masyarakat kontemporari. Peringkat ini digunakan untuk mengakses beberapa sumber daripada kajian terdahulu yang telah diterbitkan. Pengkaji meneliti kajian terdahulu yang dilakukan oleh ahli penyelidik iaitu artikel dan jurnal yang bersandarkan skop kajian sajak untuk digunakan sebagai sumber rujukan. Data sekunder dalam kajian ini diperolehi daripada maklumat yang mendapat kesahan data yang telah diperakui. Menurut Kamarul Azmi (2012), pengumpulan data

melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Tatacara penyelidikan dititikberatkan oleh pengkaji di mana ia berperanan untuk memastikan prosedur dan etika sesuatu kajian dalam prestasi yang cemerlang. Setiap kandungan maklumat dikumpul, dikaji, malah ia disemak semula oleh pengkaji supaya bertepatan dengan kerangka objektif serta skop kajian ini.

### **3.4 Teori Sosiologi**

Prinsip teori sosiologi mempunyai hubungkait terhadap sejarah dan kesusasteraan yang melihat pelbagai sudut pada latar sosial masyarakat di dalam sajak penyelidikan. Elemen sosial yang dinilai dalam teras kehidupan manusia bagi membentuk sebuah struktur sosial yang membawa kesepakatan menerusi etika, budaya, politik dan ekonomi. Secara ringkasnya, teori ini merupakan disiplin sastera yang melihat setiap pola perubahan yang wujud dalam kehidupan dan persekitaran manusia. Teori sosiologi dalam *Suara Wirawan Negara Bangsa* mengkaji persoalan yang cuba diangkat oleh pengarang mengenai isu sosial, pemerintahan dan kesan eksloitasi ekonomi penjajah yang mencetuskan semangat perjuangan dalam kehidupan masyarakat Melayu terdahulu.

Menurut Norazimah dan et. al, (2019) teori sosiologi sastera diklasifikasikan sebagai bentuk hubungan di antara sastera dan masyarakat di mana fokus utama adalah sastera sebagai produk budaya yang mencerminkan dunia dan ia ditentukan dan dipengaruhi oleh zaman tersebut. Oleh itu, asas teori ini menjelaskan perincian berdasarkan norma kehidupan, suasana dan kesulitan dihadapi oleh masyarakat di sebalik sajak berkonsep kepahlawanan dan kehidupan.

### 3.4.1 Sejarah Ringkas Teori Sosiologi

Sejarah teori sosiologi terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat pertama tertumpu kepada pengaruh sosiologi yang berkait dengan perkembangan teori. Kewujudan teori sosiologi di atas beberapa faktor pendorong iaitu revolusi politik berlaku di Perancis, revolusi industri dan kapitalisme, kebangkitan gerakan feminism, sosialisme, urbanisasi, perubahan gaya kehidupan dalam keagamaan, peningkatan ilmu pengetahuan iaitu sains yang memberi pengaruh besar terhadap perkembangan teori sosiologi.

Peringkat kedua menampilkan kewujudan kekuatan intelektual oleh beberapa tokoh ilmuan sosiologi di Perancis. Pada ketika itu, golongan ilmuan ini membawa falsafah baharu dengan memberi penekanan terhadap aspek konservatif dan romantis ke dalam pertumbuhan teori sosiologi. Oleh hal yang demikian, perkembangan cabang teori sosiologi telah berlaku di Perancis mengikut pemikiran yang dibawa oleh tokoh ilmuan. Justeru, beberapa tokoh penting yang memainkan peranan sebagai pengasas teori sosiologi di awal perkembangannya di Perancis ialah Auguste Comte dan Emile Durkheim.

Seterusnya, sejarah sosiologi dilanjutkan di Jerman di mana Max Weber, Karl Marx dan Georg Simmel adalah tokoh penting yang membawa perkembangan bidang sosiologi di Jerman. Hal ini demikian kerana, teori Marxism yang disusun oleh Karl Marx berdasarkan ideologi komunisme berkaitan dengan sistem ekonomi, sosial dan politik mempunyai pengaruh yang kuat di Eropah. Teori Marxism dan teori sosiologi yang lain telah mempengaruhi sosiologi sama ada dari sudut positif mahupun sebaliknya. Max Weber juga turut menjadikan politik dan sosial di dalam asas teori Birokrasi beliau. Teori ini beralih kepada fasa pembentukan dasar sosiologi di Jerman pada ketika itu. Max Weber telah membentuk birokrasi yang bersifat

positif dan ideal yang dilihat daripada pelbagai cabang menyebabkan teori ini lebih diterima di Jerman.

### **3.4.2 Ciri-Ciri Teori Sosiologi**

*Suara Wirawan Negara Bangsa* merupakan sebuah buku yang mengandungi himpunan sajak berlatar belakang kehidupan masyarakat pada era sebelum kemerdekaan dan ia berkait rapat dengan konsep sosiologi. Oleh hal yang demikian, Ramli Abdul Halim cuba menyampaikan pemikirannya menerusi perlapisan makna di sebalik sajak yang dicipta oleh beliau. Sajak bertemakan kepahlawanan, patriotisme dan perpaduan sangat menjadi sandaran utama untuk memberi cerminan sebenar keadaan pada zaman tersebut. Sajak yang sarat dengan nilai kemanusiaan membawa ciri-ciri sosiologi melalui penghayatan dan menjiwai setiap rangkap sajak. Hal ini demikian kerana, sosiologi dapat dipertimbangkan sebagai satu perkara yang terjadi di dalam kehidupan sesebuah masyarakat di dalam sesuatu zaman atau tamadun. Konteks sosiologi mengambil kira fakta daripada pelbagai sudut yang berkait dengan kehidupan masyarakat sama ada sosial, politik dan ekonomi.

Selain itu, latar masyarakat yang digambarkan oleh Ramli Abdul Halim dalam karyanya menjurus kepada kesusahan dan kesungguhan bangsa Melayu terdahulu memperjuangkan kemerdekaan untuk mencetuskan fenomena baharu ke arah revolusi kehidupan yang lebih harmoni dan positif. Proses perubahan dan corak perjuangan oleh masyarakat ini merupakan salah satu ciri di dalam teori sosiologi. Menerusi sajak-sajak yang mengangkat unsur patriotisme sudah semestinya mengandungi nilai-nilai kemanusiaan yang turut bersangkutan dengan kriteria sosiologi. Teori ini turut menilai perkara yang merangkumi unsur-unsur penting bagi membentuk kehidupan yang lebih baik seperti hal yang membawa erti pengajaran,

nasihat dan rangsangan dalam membentuk tingkah laku manusia. Suara Wirawan Negara Bangsa berlandaskan kepada pengertian mengenai realisme kehidupan terdahulu yang dibangkitkan oleh pengkarya untuk memberi kesedaran mengenai nilai sebuah kehidupan.

### 3.4.3 Kaedah Pengaplikasian Teori Sosiologi

Teori sosiologi yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini mengikut pengkhususan teori sosiologi klasik daripada Max Weber (1864). Teori ini sesuai untuk dijadikan sandaran dalam kajian nilai-nilai kemanusiaan. Dua dimensi penting iaitu agama dan kebendaan menjadi garis panduan untuk mengukur perubahan sosial dalam masyarakat. Kepentingan kedua-dua elemen menjadi faktor dorongan terhadap manusia melakukan perubahan dari segi gaya hidup, tingkah laku masyarakat dan ekonomi. Tiga panduan yang diusulkan dalam teori Max Weber adalah pemahaman rasional, etika rasionaliti dan rasionaliti.


Pemahaman rasional meliputi dua aspek iaitu pemahaman langsung dan pemahaman bermotivasi. Pemahaman langsung menjurus kepada perkara yang terjadi melibatkan aktiviti dan situasi kehidupan seharian secara tidak sengaja. Pemahaman bermotivasi adalah meletakkan kaedah terhadap sesuatu berdasarkan pilihan dalam usaha mencapai sesuatu matlamat. Berdasarkan keadaan ini adalah sesuai dalam menilai aspek sosiologi kehidupan daripada sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa*. Justifikasinya adalah gaya hidup masyarakat Melayu yang hidup pada zaman penjajah adalah berbeza dengan corak kehidupan masyarakat kini. Pelbagai isu berkaitan perjuangan dibangkitkan yang perlu diteliti dan difahami setiap falsafahnya. Seterusnya, rasionaliti yang diusulkan oleh Max Weber adalah ilmu berkenaan praktikal untuk memandu persekitaran sosial yang lebih cekap,

terkawal dan selaras. Oleh hal yang demikian, gaya kehidupan manusia dan masyarakat berdasarkan pengalaman dan pemerhatian untuk menguasai persekitaran sosial supaya mencapai matlamat. Manakala, etika rasionaliti yang wujud turut menjadi ukuran dalam perubahan sosial masyarakat. Proses yang melibatkan motif beserta tindakan berteraskan kepada keuntungan oleh pihak tertentu dengan mengurangkan kos secara langsung mewujudkan jurang antara golongan kapitalis dengan golongan bawahan. Situasi ini juga dapat diselami menerusi sajak-sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* iaitu secara fakta berlakunya penindasan ekonomi terhadap masyarakat Melayu oleh penjajah asing dengan penguasaan penuh terhadap ekonomi. Kesukaran dalam hidup menyebabkan berlakunya perubahan besar tingkah laku manusia.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.5 Kerangka Kajian

Kerangka kajian dapat memberi gambaran secara keseluruhan dan kaedah untuk mencapai objektif kajian yang telah dirancang.



Rajah 3.1 Kerangka Kajian

### 3.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, kaedah kajian ini bertujuan untuk mencari maklumat dan mencipta hujah berdasarkan fakta yang sahih. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat dan sumber telah diteliti dan dikenal pasti kesahihah melalui metodologi kajian yang telah dijalankan. Metodologi kajian amat penting digunakan bertujuan untuk menjelaskan fungsi sesebuah kajian, menerangkan penggunaan kaedah kajian dan pendedahan terhadap penggunaan teori sosiologi bagi menganalisis sajak yang bertajuk *Suara Wirawan Negara Bangsa*. Setelah mengetahui secara jelas berkaitan fungsi teori sosiologi secara mendalam hal ini akan memudahkan proses menganalisis data bagi mendapat hasil kajian yang berkualiti. Metodologi kajian merupakan instrumen terpenting dalam menghasilkan kajian yang sempurna mengikut kaedah kualitatif yang digunakan supaya pengkaji dapat melaksanakan kajian dengan baik. Oleh itu, kajian ini akan dilanjutkan dalam bab keempat dan kelima untuk menganalisis dapatan kajian.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Penyelidikan ini membincangkan nilai-nilai kemasyarakatan yang digarap di dalam himpunan sajak pada buku *Suara Wirawan Negara Bangsa*. Terdapat beberapa tema sajak terpilih berunsurkan patriotisme dikaji tentang setiap isu dan konflik berkaitan kehidupan masyarakat Melayu terdahulu. Kajian ini juga merungkai maksud sajak dan menjelaskan aspek-aspek kehidupan dari sudut pandang teori sosiologi. Kajian ini juga disusuli dengan penerangan berkenaan pemikiran pengkarya dalam konteks masyarakat kini. Oleh itu, pengkaji memilih lapan sajak untuk dikaji berlandaskan kepada tiga prinsip sosiologi.

#### 4.1 Sajak Terpilih *Suara Wirawan Negara Bangsa*

##### 4.1.1 Prinsip Teori Sosiologi

Analisis terhadap lapan sajak terpilih daripada himpunan buku *Suara Wirawan Negara Bangsa* berdasarkan kepada tiga prinsip dalam teori sosiologi.

Prinsip pertama berkenaan hubungan pengarang dengan masyarakat dalam meneliti motif asal sesebuah sajak terbentuk. Prinsip pertama ini untuk merungkai sebab dan matlamat sebenar pengarang mencipta sajak berunsurkan kehidupan kepada masyarakat. Dua lapisan makna yang wujud di sebalik sajak turut dirungkai.

Prinsip kedua berkaitan dengan pengaruh persekitaran seperti faktor politik dan budaya dan sebagainya yang menjadi faktor pendorong pembentukan sajak. Prinsip kedua ini menghuraikan tentang situasi semasa dan pengaruh kebudayaan yang disisipkan dalam setiap sajak.

Prinsip ketiga adalah peranan karya sajak terhadap pembaca iaitu inti pati atau mesej yang diterima oleh pembaca. Setiap input dan output maklumat adalah selari dengan mesej yang ingin pengkarya sampaikan. Oleh hal yang demikian, kajian ini menilai sajak menerusi tiga prinsip sosiologi untuk melihat pemikiran asal pengarang.

#### **4.2 Prinsip Pertama: Hubungan Pengkarya Dengan Masyarakat**

Menerusi prinsip pertama sosiologi, pengkaji mendapati terdapat tiga buah sajak terpilih daripada himpunan buku *Suara Wirawan Negara Bangsa* yang mempunyai hubungan pengarang dengan masyarakat.

Sajak pertama bertajuk *Siasah* yang mana pengarang mencipta sajak ini bertujuan untuk membuka minda masyarakat Melayu yang dilihat mula berpecah belah akibat perbezaan haluan dan fahaman politik. Sajak *Siasah* merupakan puisi moden yang bertemakan unsur politik dan wujud elemen sindiran halus kepada pihak tertentu. Keadaan perpecahan fahaman politik telah menimbulkan keimbangan kepada pengarang kerana aspek politik merupakan isu yang sangat sensitif malah kerana ideologi sesebuah politik semestinya mendatangkan pelbagai permasalahan sekiranya tiada tadbir urus yang cemerlang dalam membezakan kepentingan parti dengan kepentingan rakyat. Motif utama pengarang adalah ingin memberi pandangan dan nasihat kepada tampuk kepimpinan tertinggi masa kini dengan mengaitkan contoh-contoh tokoh kepimpinan yang wujud di masa lalu iaitu bersih daripada rasuah

dan salah guna kuasa. Oleh hal yang demikian, keinginan sebenar pengarang adalah ingin mewujudkan pentadbiran Malaysia dalam keadaan bebas daripada tingkah laku negatif terhadap pucuk pimpinan negara supaya melahirkan kestabilan ekonomi, sosial dan politik berpanjangan. Dalam pada itu pengarang ingin menjelaskan bahawa masyarakat kini haruslah membuka mata dalam membentuk kesepakatan sesama masyarakat supaya melahirkan masyarakat yang harmoni.

Pengarang menyisipkan nilai kemasyarakatan di dalam sajak berjudul *Siasah* ini sememangnya mempunyai perkaitan rapat dengan kehidupan masyarakat kini. Selain memberi nasihat berkenaan kepimpinan, salah satu objektif pengkarya mencipta sajak ini juga adalah untuk menyemat nilai jati diri yang tinggi kerana dilihat semakin pudar dalam generasi anak muda. Perkara ini mungkin berlaku disebabkan faktor peredaran zaman dan perkembangan teknologi. Teknologi moden telah sedikit sebanyak mengubah gaya hidup atau tingkah laku masyarakat dan ini merupakan cabaran yang dilalui oleh masyarakat kini. Pun begitu, nilai ini masih menjadi pegangan dalam kehidupan masyarakat Melayu kini di mana ia menjadi cerminan kepada keutuhan bangsa, adat dan agama Islam. Menurut Mohd Yusof Othman et.al, (2012) dalam pandangan Ismail Ibrahim (2010) menyatakan aspek jati diri rakyat Malaysia melibatkan pelbagai sudut dan menjadikan ia isu yang kompleks oleh kerana Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk yang berbeza agama, bahasa dan ideologi. Oleh hal yang demikian, pengajaran yang diperolehi daripada sajak ini adalah generasi kini hendaklah memupuk pendirian teguh dan berani dalam menegakkan kebenaran serta memelihara kesejahteraan. Matlamat sesuatu bangsa bergantung kepada nilai permuafakatan yang dibina oleh masyarakat itu sendiri. Jika masyarakat masa kini mengetepikan nilai kemasyarakatan ini sudah semestinya sejarah dan kesilapan di masa lalu akan berulang kembali. Hal ini akan

mengakibatkan kesan yang buruk terhadap masyarakat di samping ianya akan turut memberi kesan kepada negara. Perkara tersebut haruslah ditangani supaya masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman damai tanpa dicerobohi oleh anasir luar.

Pengkarya juga ingin memberikan pandangan tersendiri menerusi kritikan halus kepada watak-watak pemimpin politik yang hanya memikirkan kepentingan peribadi, mengabaikan tanggungjawab yang diberi mandat dan kepercayaan oleh rakyat. Perkara ini dinyatakan oleh pengkarya di dalam sajak menerusi ayat pada rangkap pertama baris keempat iaitu “Demi nama dan fulus” yang membawa pengertian kebanyakan pemimpin menginginkan jawatan tertinggi untuk mengekalkan pengaruh dan kekuasaan sebagai matlamat utama, bukannya demi menjaga kepentingan rakyat. Berikut itu, kepincangan politik berlaku oleh sebab faktor dalaman parti sendiri yang membawa kepada krisis dan jika ia tidak ditangani secara berkesan sudah semestinya bangsa Melayu mulai berpecah belah, berlaku penindasan malah hak dan keistimewaan di tanah sendiri juga akan dicabuli oleh pihak ketiga. Kestabilan politik dilihat sangat penting kerana akan menentukan hala tuju ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat. Dalam sesebuah negara sistem pentadbiran merupakan yang utama menjadi tunjang kepada pembangunan negara kerana setiap pemimpin semestinya mempunyai matlamat dalam memajukan ekonomi negara dan kesejahteraan masyarakat. Pengarang juga cuba membangkitkan isu integriti seorang pemimpin menerusi rangkap pertama sajak. Ketelusan dalam mentadbir adalah unsur yang perlu diterapkan dan ia perlu dicontohi seperti kepimpinan yang ditonjolkan pada era sebelum kemerdekaan. Keperibadian murni Perdana Menteri Malaysia Pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sewaktu pemerintahan beliau dari tahun 1903 sehingga 1990 telah menyelesaikan kemelut kemiskinan rakyat dengan pengisytiharan kemerdekaan. Berdasarkan sejarah di

Malaysia, beliau adalah pemimpin yang bertanggungjawab, amanah serta berani dalam bersuara demi memperjuangkan kebebasan di Tanah Melayu.

Kerjasama di antara pemimpin dalam kabinet menteri mampu mewujudkan sebuah keharmonian sejagat secara holistik. Menurut Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan dan Bahiyah Abdul Hamid (2018) dalam pandangan Northouse (2009) telah menggariskan 6 prinsip atau dimensi kepimpinan dan salah satunya adalah bersangkutan dengan tingkah laku pemimpin perlu berorientasikan tugas dan pucuk pimpinan wajib melaksanakan tugas hakiki berpandukan kepentingan seluruh manusia. Sajak ini sarat dengan ciri keperibadian dan gaya kepemimpinan seorang ketua negara. Dalam soal kepimpinan seharusnya menjadi tanggungjawab mereka dalam membentuk negara yang harmoni disamping mengekalkan kestabilan politik supaya negara sentiasa terpelihara demi kepentingan sejagat. Setiap individu yang mengetuai kepimpinan seharusnya mempunyai jati diri dan akhlak yang mulia. Hal ini demikian kerana, nilai jati diri yang tinggi akan melahirkan semangat cinta akan negara dalam diri setiap individu. Keadaan politik mempengaruhi banyak perkara terutama ekonomi negara iaitu nilai mata wang turut terjejas dan mengalami kesusutan nilai disebabkan kepincangan politik. Perkara ini bertujuan memberi peringatan kepada pemimpin kini dan generasi seterusnya bahawa jatuhan dan bangunnya sesebuah negara bergantung pada keperibadian dan gaya pemikiran. Menurut Dirham (2019), keberkesanan dalam kepimpinan dapat dicapai menerusi kebijaksanaan dalam pengurusan untuk mengoptimumkan fungsi setiap aset serta perancangan strategi yang baik. Secara umumnya, mesej yang ingin disampaikan oleh pengkarya adalah kehidupan masyarakat Melayu dahulu digambarkan mempunyai semangat jati diri yang tinggi dalam memperjuangkan hak dan kebebasan daripada penjajah.

Jika diteliti daripada penulisan sajak ini telah diterbitkan dalam tahun 2017 yang mana pada masa tersebut wujud pelbagai spekulasi mengenai penyelewengan kewangan negara dan budaya rasuah yang kian meningkat di dalam biro-biro pentadbiran Malaysia. Oleh hal yang demikian, keadaan tersebut terut mempengaruhi pemikiran pengkarya untuk membuat sebuah kritikan perbandingan keadaan politik semasa dengan di masa lalu. Justeru, sajak ini ingin memberi gambaran kepada masyarakat bahawa pemimpin harus dipilih mengikut ketetapan garis panduan agama Islam. Bukan dilihat daripada ciri luaran malah keperluan menilai pemimpin daripada aspek kerohanianya juga. Apa yang turut ditekankan adalah pemimpin seharusnya mendahuluikan kepentingan rakyat bukan menambahkan beban kepada ekonomi Malaysia. Malahan, pemerintahan yang lebih berkesan wujud dengan adanya kerjasama untuk mengatur strategi dalam menyelesaikan permasalahan rakyat dan negara seperti pada zaman pentadbiran di bawah kendalian Tunku Abdul Rahman. Oleh hal yang demikian, tujuan penciptaan sajak ini juga kerana pengkarya ingin menekankan kemelut kemiskinan yang masih membenggu di dalam negara dan saban tahun kadar pengangguran semakin meningkat. Menurut Norzita Jamil dan Siti Hadijah Che Mat (2014) mendapati bahawa kemiskinan terdiri daripada dua kategori iaitu kemiskinan mutlak dan relatif di mana mutlak adalah tahap tidak mampu memenuhi keperluan asas hidup manakala kemiskinan relatif terjadi kerana wujud ketidakseimbangan besar dalam tren pengagihan pendapatan. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa pengkarya ingin kerajaan melakukan pendekatan berkesan seperti memperbanyakkan peluang pekerjaan kepada golongan miskin, menyediakan pelbagai bantuan khas kebajikan dan memperhalusi setiap strategi pembasmian kemiskinan khusus di kawasan luar bandar. Oleh itu, analisis ini dibuat berdasarkan sajak *Siasah* yang di cipta oleh Ramli Abdul Halim seperti berikut;

### Siasah

Di pentas sempit dan luas  
Para pelakon siasah  
Terus menghidupkan watak  
Demi nama dan fulus  
Miski pun identiti bangsa  
Diancam kelupusan  
Bagi semua  
Ruang, cabang, peluang  
Dan bahasa cermin ketuanan  
Yang kian layu  
Lupus dan pupus

Kalau aku  
Berganti dengan ‘I’  
Awak ditelan ‘you’  
Di mana lagi adanya  
Identiti Melayu?

(*Suara Wirawan Negara Bangsa* Halaman 30)

Seterusnya, sajak kedua adalah bertajuk *Suara Wirawan Negara Bangsa* merupakan puisi moden bertemakan patriotisme demi membangkitkan semangat perjuangan tinggi bangsa Melayu. Hubungan pengarang dengan masyarakat menerusi sajak ini adalah ingin mengingatkan semula tentang kekuatan dan kekekalan bangsa Melayu kepada masyarakat. Latar belakang pengarang yang berbangsa Melayu yang datang daripada keluarga yang sederhana dan mempunyai pengalaman pahit hidup pada era sebelum kemerdekaan menjadi faktor penguat yang mendorong kepada pembentukan sajak ini. Pengarang itu sendiri telah berada dalam kemelut penderitaan di mana situasi yang telah dilihat pada zaman dahulu menyebabkan pengarang melahirkan idea untuk memberikan pedoman atau kesedaran kepada masyarakat kini. Penindasan yang berlaku antara masyarakat dilihat sebagai aspek yang memberi kesan buruk jika masyarakat kini tidak bersatu dalam memperjuangkan keharmonian

negara. Kekecewaan pengarang dapat dihayati menerusi sajak ini iaitu luahan kesedihannya akibat penindasan terhadap bangsa Melayu oleh penjajah asing. Motif utama sajak ini dicipta ialah pengarang ingin mencetuskan sebuah fenomena supaya dapat mengeratkan kembali perpaduan dalam bangsa Melayu kerana wujud keretakan perpaduan dan sentimen perkauman yang kian membara di dalam masyarakat. Pengarang ingin menyeru kepada semua masyarakat supaya menghormati dan menyayangi tanah air dengan menjalinkan hubungan baik tanpa mengira latar belakang terutama kepada golongan generasi muda. Malahan, pengkarya ingin mendidik anak bangsa supaya tidak melupakan sejarah hitam yang pernah melanda negara sewaktu zaman penjajahan terdahulu.

Pengkarya mencipta sajak ini kerana nilai patriotisme yang tinggi dalam usaha mengambarkan hasrat masyarakat Melayu terdahulu untuk mengecapi sebuah kemerdekaan. Keadaan di masa lalu yang tidak tenang dan huru-hara disebabkan kekejaman anasir luar meninggalkan pengalaman hitam dalam kehidupan pengkarya. Dalam sajak ini juga diterapkan sebahagian lirik lagu warisan bertajuk “Anak Kecil Main Api”. Lagu ini berkisarkan tentang masyarakat Melayu yang berasa sedih kerana terpinggir daripada hak asalnya di tanah sendiri semasa era kolonial. Ketuanan Melayu juga telah dirampas kuasa daripada pembesar dan raja-raja Melayu. Oleh hal yang demikian, penindasan dan keperitan hidup mendesak orang Melayu bangkit dan berani dalam bertindak dan menyuarakan keinginan mereka. Nilai kemasyarakatan yang diperolehi daripada sajak ini adalah nilai perpaduan. Perpaduan menjadi tunjang utama dan penyumbang terhadap kejayaan orang Melayu mengembalikan martabat dan ketuanan di Tanah Melayu pada tahun 1957. Hal ini demikian kerana, faktor kesulitan hidup telah membuka mata dan memberi kesedaran khususnya kepada masyarakat Melayu dalam memperjuangkan hak dan kedudukan di Tanah Melayu.

Menurut Mohd Rahimi Ramli et.al, (2020), nilai patriotisme kini mengalami perbezaan yang ketara berbanding era pasca kemerdekaan akan tetapi konsep perjuangan berfokuskan kepada penglibatan rakyat membantu kepimpinan tertinggi negara dalam membangunkan ekonomi Malaysia.

Dalam sajak ini juga pengkaji mengangkat kekuatan bangsa Melayu menjadi kukuh disebabkan nilai perpaduan. Elemen “berlian” digunakan pada baris keempat sajak melambangkan kepada sesuatu yang sangat bernilai yang mana ia menjurus kepada perpaduan masyarakat. Oleh hal yang demikian, orang Melayu terdahulu kaya dengan adat dan tinggi akhlaknya. Sejarah membuktikan kewujudan pahlawan terdahulu terdiri daripada kalangan masyarakat Melayu yang menuntut kemerdekaan dan mempertahankan kedudukan raja-raja Melayu. Menurut Hafizuddin Sham Shul Bahri dan Razali Musa (2021), perpaduan dikaitkan dengan nasionalisme iaitu perjuangan bersama antara bangsa Melayu mencari kebebasan dari cengkaman penjajah dan mengembalikan keharmonian, kekuasaan, kedudukan dan martabat kaum Melayu sewaktu dahulu. Peristiwa bersejarah di masa lalu memperingatkan bahawa keharmonian yang dikecapi dan dirasai sehingga kini disebabkan wujudnya perpaduan dalam masyarakat terdahulu. Pengkarya juga ingin menekankan bahawa generasi kini perlu bersyukur dan menghargai jasa para pahlawan tanah air. Hasil kemerdekaan yang diperoleh sekarang adalah pengorbanan masyarakat yang telah berjasa pada waktu dahulu kerana mereka dengan sedaya upaya dalam mempertahankan negara daripada penjajah. Oleh itu, sajak ini memperlihatkan kehidupan terdahulu jauh berbeza dan wujud jurang kehidupan jika di bandingkan dengan generasi masa kini oleh kerana masyarakat di masa lalu telah merasai erti sebenar kesusahan malah perjalanan hidup mereka penuh dengan pelbagai cabaran

dan rintangan. Perkara ini telah mendidik mereka supaya hidup berdikari dan sentiasa bersederhana.

Di samping itu, pengkarya menerapkan pemikirannya ke dalam sajak khusus kepada generasi kini supaya menjaga hubungan baik antara masyarakat majmuk. Perkara ini sangat penting dalam diri masyarakat untuk menjadi manusia yang mempunyai peribadi akhlak yang baik agar hubungan yang terjalin sentiasa akrab di samping mewujudkan sebuah suasana yang harmoni antara masyarakat. Hal ini demikian kerana, hubungan baik ini adalah unsur yang membentuk nilai perpaduan serta mencerminkan adat Melayu itu sendiri. Apabila semua masyarakat menjalankan hubungan silaturrahim yang baik sudah pasti akan menjadi sebuah negara yang sejahtera tanpa ada unsur perbalahan di antara masyarakat. Perhubungan yang baik sangat dititikberatkan kerana ia merupakan suatu lambang persaudaraan untuk membentuk masyarakat yang makmur. Jika dilihat pada masa kini, perkembangan dunia digital banyak memberi kesan positif oleh kerana medium ini memberikan kemudahan kepada generasi kini untuk membina hubungan antara manusia. Hal ini demikian kerana, pendekatan zaman sebelum kemerdekaan dan kini adalah berbeza tetapi masih menekankan konsep yang relevan. Kejayaan akan diraih dengan wujud jalinan baik antara sesama manusia malah kemampuan dalam membina hubungan yang rapat berupaya membentuk sebuah pakatan yang harmoni (Elizabeth Rumayar, 2011). Elemen nasionalisme dalam sosial digarapkan di dalam sajak ini memperlihatkan pembinaan sebuah negara bangsa menerusi semangat cinta akan negara dan mengukuhkan jalinan persaudaraan antara masyarakat majmuk di Malaysia dalam bersatu hati mempertahankan martabat Malaysia daripada pelbagai sudut. Kebangkitan bangsa Melayu dengan semangat perjuangan yang tinggi telah merakamkan sejarah terbesar kerana mencetuskan langkah awal kepada kemerdekaan.

Adat dan kebudayaan Melayu yang terkenal dengan sifat kelembutan dan kesantunan menyebabkan penjajah asing mengambil kesempatan dengan mengeksplorasi ekonomi dan mengusai sistem pemerintahan negara telah meningkat kemarahan bangsa Melayu. Menurut Fairuzah Basri, Farahdina Abdul Manaf dan Mujaini Tarimin (2019), gerakan imperialism dan kolonilisme British berdasarkan dasar campur tangan kepada keseluruhan aspek kehidupan orang Melayu menimbulkan cabaran ketamadunan Melayu dengan menyekat identiti jati diri masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian, pengkaji mendapati bahawa sajak ini mengangkat tema nasionalisme untuk membina hubungan masyarakat majmuk yang lebih erat. Konsep perpaduan kini berbeza daripada zaman sebelum 1957 kerana rakyatnya berbilang kaum yang memerlukan corak pentadbiran bersifat adil, namun ketuanan dan keistimewaan Melayu masih dipertahankan untuk memelihara kesejahteraan ketamadunan Melayu.

Di sebalik sajak ini, pengarang mendidik generasi kini tentang bangsa Melayu juga mampu mentadbir dan mendirikan kerajaan sendiri dengan adanya kesepakatan dan perpaduan yang utuh. Sajak ini melambangkan perasaan kekesalan pengkarya atas kegagalan pemerintahan dengan membuka laluan kepada pihak British dalam membentuk pemerintahan dan menggubal dasar. Situasi itu secara langsung telah menjaskan keadaan masyarakat Melayu di negara sendiri pada ketika itu di ibaratkan pendatang asing di negara sendiri kerana wujud ketidakadilan layanan golongan bawahan dan atasan. Pengkaji mendapati terdapat pengisian berunsurkan kritikan membina kepada generasi muda untuk lebih bersedia dengan menimba ilmu pengetahuan dan menjadikan sejarah lalu sebagai rujukan supaya menjadi pelapis dalam kepimpinan yang bijak dalam mengatur langkah dan berpendirian teguh

mentadbir negara dan memelihara kedudukan agama Islam. Oleh itu, sajak bertajuk *Suara Wirawan Negara Bangsa* adalah seperti berikut;

### **Suara Wirawan Negara Bangsa**

Yang kami cinta  
Bukan jasad nusa  
Atau duka lara  
Anak kecil bermain api  
Yang terbakar hatinya yang sepi  
Kerana hilang hak  
Di bumi warisan pertiwi  
Tanpa ada yang peduli

Kami bukan mahukan  
Tintaan sejarah dengan darah  
Nusa rebah  
Pertiwi resah  
Ketuanan punah  
Dalam lipatan sejarah  
Tanpa ada yang ambil kisah

Kami cinta  
Kami mahu  
Kami perjuang dan julang  
Ketuanan kental kuatnya bak berlian  
Tidak mudah haus dan pecah dek kerana dicanai  
Dan diasah.

(*Suara Wirawan Negara Bangsa* Halaman 46)

Selanjutnya, sajak ketiga bertajuk *Azam* sarat dengan semangat dalaman untuk membina perkembangan diri dalam kehidupan. Pengarang mempunyai matlamat untuk menanamkan sifat keazaman ke dalam diri masyarakat supaya jati diri dapat dibentuk. Tujuan sajak bertajuk *Azam* dicipta sebagai usaha bagi mendorong semangat keazaman yang lebih tinggi demi memastikan kualiti kehidupan tercapai dari segi dunia dan akhirat. Karya sajak yang dihasilkan oleh beliau banyak merentasi zaman dan sarat dengan falsafah Islam. Keazaman di sini ditujukan khas buat orang

Melayu kerana bangsa kita mudah lupa dengan matlamat asal setelah menikmati kesenangan hidup. Oleh hal yang demikian, motif utama yang dilihat adalah pengarang berhasrat menjadikan generasi kini ke arah yang lebih bertamadun. Pengarang menginginkan setiap masyarakat hendaklah mempunyai nilai keazaman dalam diri supaya dapat membentuk matlamat yang jelas dalam kehidupan. Masyarakat kini harus meneliti dari pelbagai aspek berkenaan matlamat yang diinginkan untuk mengecapi kejayaan bersama dalam mewujudkan masyarakat yang berilmu pengetahuan disamping menjadi seorang individu yang berpendirian tetap.

Selain itu, penulis berhasrat untuk melahirkan generasi muda yang berpandangan jauh, mempunyai falsafah kehidupan yang tinggi dan bersifat rendah diri dalam membina kejayaan peribadi. Menurut Idris Zakaria dan Ahmad Sunawari Long (2013), keazaman akan disertai dengan falsafah sejati kerana ia berkait rapat memperbaiki kehidupan menerusi cara berfikir secara rasional. Oleh itu, hati nurani pengkarya menyayangi bangsanya dan mendekati masyarakat dengan meningkatkan aura positif dalaman kepada setiap lapisan masyarakat supaya lebih kehadapan menerajui matlamat politik secara telus serta berprinsip. Sajak berjudul Azam ini memaparkan nilai keazaman yang tinggi dalam diri setiap masyarakat pada zaman sebelum kemerdekaan. Pengkarya menggarapkan mesej tentang semangat atau keazaman membantu seseorang dalam menentukan hala tuju dan objektif hidup. Hal ini demikian kerana, kehidupan akan menjadi kosong dan sia-sia jika tiada matlamat yang perlu dicapai. Berdasarkan ayat pada rangkap kedua baris keenam “Bukan pekasam dalam guri angan-angan” bermaksud azam sebuah semangat dalaman yang mampu mengubah kehidupan seseorang keluar daripada belenggu kesusahan dan kemiskinan. Dari segi aspek sosial, tanggungjawab pengkarya kepada sosial yang digalas sebagai seorang sasterawan adalah demi melahirkan dan mendidik anak

bangsa melalui hasil penulisan karya kreatif. Keazaman adalah salah satu nilai teras yang sepatutnya disemai di dalam setiap diri dalam kelompok masyarakat.

Pengkarya turut meletakkan pemikiran tentang penggunaan akal dan hati perlu seiringan dengan keazaman sebagai panduan kepada masyarakat. Sajak ini meliputi pengaruh keagamaan kerana kebanyakan karya yang dihasilkan oleh beliau berbentuk fiksyen keagamaan. Dari konsep sosiologi umat Islam, agama merupakan cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu dan kini. Oleh hal yang demikian, masyarakat Melayu terdahulu mengambil asas jihad iaitu berteraskan perjuangan Islam dalam mengusir penjajah. Pun begitu, dua asas Islam iaitu iman dan ketakwaan kepada Allah SWT menjadi pendorong utama dalam mengubah perspektif dan pemikiran barat di kalangan masyarakat Melayu untuk kembali semula kepada ajaran agama. Oleh hal yang demikian, nilai keazaman disertai keimanan yang teguh memberi impak positif membawa kepada kesepakatan di antara orang Melayu tanpa mengira latar belakang demi mencapai sebuah matlamat. Dalam agama Islam juga sememangnya mempunyai nilai jati diri dalam semangat keazaman untuk membentuk suatu matlamat dan perubahan ke arah kebaikan. Pengaruh Islam memainkan peranan penting supaya keazaman yang dicipta akan berlandaskan ke arah kebaikan sejagat tidak mengira kaum dan agama. Setelah menelusuri dan menghayati setiap penggunaan ayat dalam sajak, didapati bahawa masyarakat Melayu terdahulu sangat beriman dan mentaati segala perintah agama. Hal ini dapat dibuktikan pada rangkap kedua baris ketiga dan rangkap ketiga baris ketiga yang mengaitkan berbuat sesuatu dengan berteraskan prinsip Islam. Menurut Setiawan Gunardi Mohammad Sahid dan Nur Mohammad Hadi Zahalan (2020) Islam merupakan agama yang membimbing manusia kearah kebenaran dan melindungi seluruh aspek berkaitan kehidupan.

Di samping itu, nilai keazaman dalam masyarakat kini perlu ditingkatkan lagi untuk membendung gejala negatif. Hal ini demikian kerana, generasi muda kini mudah terpengaruh dengan ideologi barat. Perkara ini lama kelamaan akan menjadi barah dalam kelompok sosial sekali gus memberi tempias buruk kepada pembangunan negara. Malah, mereka perlu diberikan didikan agama yang sempurna bukan sahaja di bangku sekolah namun dididik setiap tingkah laku mereka di rumah. Institusi kekeluargaan yang bagus akan melahirkan generasi yang berani melontarkan idea dan pendapat. Sebagai contoh, setelah dewasa dengan keazaman yang dimiliki ini akan membantu negara dalam mengorak langkah serta menentukan strategi dengan mengikut hala tuju berasaskan pandangan Islam dan membina negara berdasarkan pemikiran asli.

Perbezaan keazaman masyarakat dahulu dan kini adalah dari konteks situasi dalam negara. Keazaman masyarakat 50-an dan kini berbeza dari sudut pengurusan politik, ekonomi dan sosial. Pengurusan sesebuah institusi dan kerajaan memerlukan keunikian dalam gaya kepimpinan bagi membuaikan kejayaan dalam pemerintahan (Nurshahira Ibrahim, Fariza Md Sham dan Azman Ismail, 2016). Selain itu, desakan hidup zaman terdahulu mendorong masyarakat menanamkan azam untuk keluar daripada belenggu keperitan hidup akan tetapi menjelang tahun 2022 keazaman yang perlu dipupuk adalah untuk mempertahankan perpaduan dan keharmonian Malaysia. Oleh itu, pengkarya cuba menekankan unsur Islam dan keazaman perlu seiring kerana setiap matlamat dalam kehidupan perlu dinilai dahulu tentang kesan dan akibatnya. Agama menjadi satu panduan untuk memastikan setiap matlamat yang ingin dicapai akan menjadikan kesejahteraan dalam kehidupan. Pengaruh keagamaan di dalam sajak ini jelas diperlihat pada rangkap kedua dan ketiga iaitu tentang keimanan dan ketakwaan. Hal ini demikian kerana, dua teras ini menjadi batas kepada seorang umat

Islam supaya melakukan sesuatu berlandaskan hukum syarak selagi mana matlamat tidak melanggar ketetapan Islam. Keazaman perlu mempunyai had tertentu supaya tidak menjerumuskan diri ke arah keburukan. Kayu ukur kejayaan seseorang individu terletak pada daya pemikiran, keazaman dan kekuatan agama.

Tanpa adanya keazaman dalam diri para pemimpin nescaya berlakunya ketidakstabilan dalam pembentukan negara. Pengarang juga menekankan juga kekuatan semangat yang tinggi disusuli dengan iman dan taqwa melahirkan modal insan yang berjaya. Nilai keazaman menjadi faktor penting dalam pembangunan diri dengan mendorong setiap insan mencapai objektif kehidupan dengan jayanya. Sajak ini membawa masyarakat dan diri pembaca dengan nilai kemasyarakatan serta dua lapisan maknanya berteraskan kepada prinsip Islam. Pada masa kini, keadaan semasa yang meruncingkan dari aspek sosial memberi kebimbangan iaitu pergaulan bebas disebabkan faktor pemikiran yang kurang matang. Permasalahan yang berlaku di dalam masyarakat telah munculnya sajak yang pengisianya memfokuskan tentang keazaman diri. Kesesuaian sajak ini bukan sahaja meliputi sudut sosial masyarakat terdahulu malah ia boleh di sesuaikan dengan situasi semasa. Oleh hal yang demikian, sajak ini sarat dengan elemen nasihat dan pengajaran dalam membentuk keperibadian serta akhlak masyarakat. Oleh itu, prinsip ini dianalisis berdasarkan petikan teks sajak di bawah;

### Keazaman

Mengalas azam  
Menentukan arah tuju  
Keyakinan adalah kedirian  
Kepercayaan bukan pameran murahan

Hati yang meminta dan memahat ketulusan dan ketelusan  
Akal merangka dan mengkerangkakan langkah

Iman dan takwa menjadi benteng  
Utuh dan tidak mudah goyah  
Azam jadi kenyataan  
Bukan terpekasam dalam guri angan-angan

Azam paling kudus  
Mahu ternoktah hidup  
Diiringi kalimah suci syahadah  
Dan di bawah rimbunan haruman  
Iman dan ketakwaan.

(*Suara Wirawan Negara Bangsa* Halaman 28)

#### 4.3 Prinsip Kedua: Pengaruh Persekutaran di Dalam Karya

Menerusi prinsip kedua dalam sosiologi, pengkaji mendapati terdapat tiga buah sajak terpilih daripada himpunan buku *Suara Wirawan Negara Bangsa* yang mempunyai pengaruh persekitaran di dalam karyanya.

Sajak pertama bertajuk *Bangsaku* berkenaan tatacara kehidupan masyarakat Melayu yang kaya dengan adat dan budaya sopan. Sajak ini mempunyai perkaitan rapat kehidupan masyarakat terdahulu dengan generasi Melayu pada masa kini. Menerusi tema sajak ini dapat dikenal pasti bertujuan meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan bangsa Melayu. Semangat nasionalisme amat penting dalam diri masyarakat supaya negara akan terus dipelihara di samping masyarakat juga akan dapat hidup dalam keadaan yang harmoni. Keharmonian dalam sesbuah negara bergantung kepada hubungan yang terjalin di antara masyarakat kerana suasana tersebut dipengaruhi oleh faktor persekitaran di mana masyarakat hendaklah memupuk semangat kesepakatan dalam apa-apa juga perkara yang dilakukan sebagai contoh memperjuangkan semangat kemerdekaan dalam negara serta mewujudkan hubungan yang baik antara kaum yang terdapat di Malaysia. Nilai kemasyarakatan yang didapati adalah nilai patriotisme atau semangat cintakan negara. Makna pada

rangkap pertama sajak ini bertujuan memberi nasihat kepada anak bangsa bahawa tiada pihak ketiga yang ikhlas dalam menghulurkan bantuan demi menyelesaikan masalah yang dialami tanpa menerima sebarang faedah. Namun begitu, budaya hidup Melayu adalah ringan tulang dalam menghulurkan bantuan kepada sesiapa yang dilihat mengalami kesulitan terutama kepada bangsa sendiri.

Sajak ini turut memberikan situasi “lautan gelora” sebagai perlambangan kepada gambaran terhadap cabaran dalam kehidupan kini sangat mencabar. Berdasarkan aspek sosiologi, masyarakat Melayu kaya dengan nilai murni dalam menjalani kehidupan sehari-hari dan sifat ini penting kepada kehidupan bermasyarakat. Sebagai contoh, kesan peperangan pada zaman sebelum kemerdekaan telah merosakkan ekonomi, politik dan sosial negara tetapi dengan muafakat daripada masyarakat kestabilan negara dapat dikembalikan. Selain itu, sewaktu dalam kancang peperangan keadaan menjadi huru hara, berlakunya catuan makanan dan sebagainya telah membentuk hati nurani orang Melayu untuk menyayangi negara dan membina hubungan yang baik demi mencapai kepentingan bersama. Hal ini demikian kerana, majoriti tokoh kemerdekaan terdiri daripada golongan bangsa Melayu oleh faktor kesedaran telah membuka minda mereka. Menurut Mohd Rumaizuddin Ghazali dan Mohd Rushdan Jalani (2015), matlamat asal nasionalisme Melayu adalah memelihara dan memperluaskan identiti kebangsaan dengan membawa ideologi tertentu. Selain itu, rangkap kedua lebih menerangkan tentang semangat perjuangan anak bangsa kini mulai suram dan kian pudar. Hal ini sudah semestinya akan mendatangkan pelbagai permasalahan di masa hadapan.

Penulis beranggapan bahawa wujud jurang dalam anak bangsa Melayu kerana sikap berwaspada mulai hilang dalam mempertahankan kedaulatan negara. Beberapa pihak cuba membangkitkan sentimen perkauman dengan mempertikaikan perkara

yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia 1963. Malahan, gaya hidup masyarakat kini mulai berubah dan banyak mengikut ideologi dan pandangan ke barat. Masyarakat kini telah berkembang dengan dunia teknologi yang semakin canggih membolehkan mereka mengakses pelbagai maklumat yang berunsurkan pengaruh ideologi barat ke Malaysia. Kehidupan berkonsepkan barat tidak sesuai di amalkan di negara Islam. Oleh hal yang demikian, kebimbangan pengkarya diluahkan di dalam sajak ini sebagai medium untuk memberi peringatan kepada masyarakat Melayu tentang objektif perjuangan masyarakat Melayu sebelum ini. Pada rangkap terakhir sajak pengkarya melemparkan kritikan halus yang dilihat menyifatkan pucuk pimpinan negara kurang bersedia dan tiada perancangan yang efektif dalam pengurusan ekonomi dan politik sehingga Malaysia mula mengalami kegawatan ekonomi. Penerapan elemen sosial dan politik menerusi sajak ini untuk memberi kesan positif kepada perkembangan sosial negara. Generasi muda kini perlu memperbaiki aspek pergaulan dengan masyarakat setempat daripada pelbagai lapisan umur dengan melibatkan diri secara berterusan dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan untuk memahami gaya pemikiran terdahulu supaya melatih generasi muda yang lebih matang dalam aspek kehidupan. Pemimpin bakal silih berganti dan semangat nasionalisme yang tinggi perlu dipupuk dalam kehidupan. Dalam era moden ini, masyarakat hendaklah berpandangan jauh dalam mencapai matlamat untuk membentuk sebuah perpaduan yang mampan supaya negara Malaysia akan terus berkembang pesat oleh faktor kesefahaman dan kerjasama masyarakat dalam memperjuangkan kemerdekaan bangsa.

Oleh itu, semangat cintakan negara dalam generasi kini menerima tampanan hebat seperti sambutan hari Kemerdekaan ke 65 tahun. Jika semangat cinta akan negara dipupuk sejak dahulu kala lagi sudah pasti negara Malaysia akan mencapai

kemerdekaan dan sememangnya mendatangkan kesan positif dalam kalangan masyarakat untuk memupuk perpaduan di antara kaum. Namun, semangat patriotisme ini perlu dikekalkan di dalam sudut hati setiap masyarakat terutama bangsa Melayu supaya isu penjajahan ideologi tidak berlaku. Analisis dilakukan berdasarkan kajian terhadap petikan sajak *Bangsaku* seperti berikut;

### **Bangsaku**

Bangsaku  
Tekapai di tengah ruang terbuang  
Teroleng-oleng di tengah lautan bergelora  
Tanpa dipedulikan kapal  
Dan armada lalu-lalang  
Kerana ia bukan milik kita

Bangsaku  
Suara kita belaka semakin hilang  
Doktor hilang kepakaran dan keyakinan  
Untuk pengubatan, penyembuhan dan pencegahan

Bangsaku  
Tebing pemisah semakin suram  
Dahan-dahan tempat bergayut  
Sekah satu persatu  
Mumut dan rapuh  
Kita belaka jatuh dan bakal jatuh

Dalam terik mentari  
Pun dalam hujan rebut  
Kita sudah hilang tepat berteduuh  
Kerana kita tidak pernah sediakan khemah  
Dalam menghadapi  
Musim kemarau dan tengkujuh.

(*Suara Wirawan Negara Bangsa* Halaman 10)

Prinsip kedua diteruskan dengan sajak kedua bertajuk *Tok Awang* merupakan sebuah sajak berbentuk kritikan yang membawa makna tersirat tentang sejarah kepahlawanan. Pada zaman dahulu, para pahlawan negara begitu hebat dalam

menentang penjajah untuk mencapai kemerdekaan demi memenuhi kesejahteraan masyarakat supaya dapat menjalani kehidupan yang harmoni serta hubungan dapat dipupuk melalui sikap toleransi masyarakat itu sendiri. Perjuangan pahlawan dahulu sanggup mengorbankan segalanya termasuklah nyawa mereka sendiri demi tanah air yang tercinta. Kepahlawanan masyarakat dahulu sangat menitikberatkan kesepakatan sesama masyarakat dan sememangnya mempunyai kekuatan dalam iaitu dengan memupuk semangat bersatu demi mendapatkan kemerdekaan negara. Sajak ini membawa nilai kemasyarakatan bertanggungjawab iaitu tanggungjawab yang pernah dipikul oleh para pendekar Melayu terdahulu. Menurut Megat Ayop Megat Arifin dan Abd Halim Ahmad (2016), individu yang berkualiti tinggi mempunyai kriteria khusus seperti bertanggungjawab menjadi aset berharga kepada kemajuan negara dan melaksanakan sesuatu tugas dengan penuh berintegriti. Rangkap pertama sajak ini menggunakan perkataan slanga sebagai perlambangan iaitu pada baris kedua “Kepala Bapak”. Perkataan ini digunakan oleh pengkarya untuk meluahkan perasaan kecewa dengan kepimpinan negara oleh kerana wira dan pahlawan negara dilupakan akan jasa mereka begitu sahaja. Walhal pada suatu ketika dahulu dengan pengorbanan mereka dari segi harta, tenaga dan keluarga ditinggalkan demi kesenangan yang dirasai Malaysia kini. Dari aspek sosiologi dilihat bahawa kehidupan mereka sepenuhnya dikorbankan untuk mempertahankan kedaulatan Tanah Melayu. Pengorbanan mereka mulai disisih malah segelintir daripada keturunan mereka dibelenggu kemiskinan hidup tanpa dihulur sebarang bantuan. Kemerdekaan adalah sebuah kemenangan dan tanggal 31 Ogos setiap tahun adalah untuk memperingati setiap jasa pejuang negara oleh kerana kemenangan ini hasil daripada pertumpahan darah dan kecekalan masyarakat terdahulu menentang penjajah asing. Maksud baris ayat “Nak beli nasi kerabu pun seklosong etak” adalah tiada pihak yang prihatin tentang keadaan hidup mereka yang miskin malah menjalani kehidupan seperti peribahasa “kais pagi makan

pagi kais petang makan petang". Rangkap pertama ini membawa hasrat dan harapan pengkarya untuk memberi kesedaran kepada pihak tertentu untuk melakukan kajian dasar terhadap keluarga ini demi menjaga kebajikan mereka dengan lebih sempurna.

Pada rangkap kedua, perkataan Tok Awang merupakan kata ganti diri kepada pengkarya untuk memperlihatkan aspek ketuanan Melayu. Fungsi gelaran ini digunakan sebagai menampilkan watak dalam pembela nasib keturunan pahlawan menerusi karya sajak. Para pahlawan telah berjuang untuk mendapat kemerdekaan dengan menempuh berbagai-bagai rintangan serta dalam diri setiap pahlawan mempunyai keberanian yang sanggup menempuh segala keperitan hidup supaya masyarakat kini mendapat kemerdekaan yang aman. Jelas dinyatakan bahawa masyarakat pada zaman kini dapat menikmati hidup dengan harmoni tanpa ada sebarang pencerobohan yang berlaku. Kemerdekaan yang diperoleh hasil daripada perjuangan pahlawan dahulu yang bertanggungjawab dalam menjadikan sebuah negara aman makmur sehingga ke hari ini. Pemikiran pengkarya yang diperolehi adalah tanggungjawab bersama untuk membasmi kemiskinan daripada bangsa Melayu. Dengan menyelami semangat para pejuang handal seperti Tok Janggut di Kelantan, Tok Sagor di Perak, Abdul Rahman Limpong di Terengganu dan Datuk Bahaman di Pahang. Tokoh-tokoh ini berjuang untuk mengembalikan kesucian agama dan martabat bangsa Melayu di peringkat negeri dengan menentang penjajah secara radikal. Namun begitu, realiti dunia politik kini telah berbeza dan mementingkan kepada segelintir pihak sahaja. Dahulunya para pejuang di sanjung tinggi namun pada masa kini menjadi sebaliknya. Melalui sajak ini, pengkarya hanya ingin menasihati pada golongan pemimpin negara agar menyelesaikan masalah kehidupan rakyat supaya berada dalam keadaan yang lebih baik. Nilai bertanggungjawab perlu ada dalam diri seseorang kerana ia akan mencerminkan keperibadian seseorang. Kritikan

halus menerusi karya adalah sebahagian tanggungjawab pengkarya kepada masyarakat dalam memberi kesedaran terhadap individu tertentu. Setiap permasalahan kehidupan perlu ditangani bersama dan pihak yang berwajib perlu memantau keadaan ahli keluarga setiap pejuang kemerdekaan agar nasib mereka terbaik. Pengurusan politik di negara perlu dikemaskini dan menambahbaik segala aspek dalam tadbir urus. Menurut Mohd Faidz Mohd Zain et. al, (2011) aliran nasionalisme Melayu telah mewujudkan percambahan ideologi tetapi masih kekal relevan untuk diadaptasi dalam budaya politik di Malaysia demi menjaga kepentingan bersama. Bangsa Melayu perlu mengambil iktibar daripada sejarah terdahulu, jika tanggungjawab diabaikan demi kepentingan individu tertentu kehidupan dan sosiopolitik di masa hadapan akan menjadi parah. Oleh itu, kebudayaan dan ketuanan Melayu dapat dilihat menerusi petikan sajak *Tok Awang* seperti yang berikut;

### **Tok Awang**

Merdeka! Merdeka! Merdeka!  
Merdeka ‘kepala bapak’  
Dalam kocek sesen duit pun ‘takdak’  
Nak beli nasi kerabu pun sekelosong etak

Akulah Tok Awang  
Pejuang kemerdekaan  
Memikul semangat Tok Janggut  
Tok Sagor, Abdul Rahman Limpong dan Datuk Bahaman  
Hidup terbuang, tidur di kaki lima, tepi longkang  
Bangunan yang bukan bangsaku sebagai tuan  
  
Bangsaku yang hilang kesedaran tentang kian  
Terhakis hak  
Melaungkan Merdeka! Merdeka! Merdeka!  
Seakan-akan sasau dan sasan  
Dalam perarakan sempena hari kemerdekaan  
Yang bertukar nama ke hari kebangsaan  
Dengan identiti bangsa termasuk bahasa  
Semakin renggang dari armada ketuanan yang  
Kehilangan tunjang!

Selain itu, sajak ketiga bertajuk *Sumpah Berdarah* turut mempunyai pengaruh tentang sejarah kepahlawanan Melayu. Setelah menghayati setiap rangkap sajak, dapat difahamkan bahawa setiap persoalan pada rangkap sajak tinggi dengan nilai keberanian dalam menegakkan keadilan dan agama Islam oleh pahlawan Melayu. Pada rangkap pertama sajak mengambarkan sifat, keperibadian dan keberanian Tok Janggut pada tahun 1853 hingga 1915 dalam menentang British di Kelantan. Oleh hal yang demikian, keadaan ini mencerminkan bahawa kebanyakkan pahlawan terdahulu terdiri daripada golongan orang Melayu dan ilmuan agama seperti Mat Kilau bin Imam Rasu pada tahun 1847 sehingga 1890 di Pahang, Yamtuan Antah Ibni Almarhum Yamtuan Radin pada tahun 1812 sehingga 1888 di Negeri Sembilan dan Dato Maharaja Lela Pandak Lam pada tahun 1877 di Perak. Keteguhan dan kecekalan pahlawan Melayu digambarkan oleh pengkarya pada rangkap kelima dan rangkap keenam iaitu “Menghunus keris tak pernah berkarat” dan “Bersiap siaga dengan langkah pancak silat” membawa makna tentang keberanian yang tinggi pada diri pahlawan Melayu menentang penjajah berbekalkan ilmu seni mempertahankan diri mampu melumpuhkan hasrat penjajah asing. Dari perspektif sosiologi, nilai kemasyarakatan yang dipamerkan pada masa dahulu sangat teguh dan kesannya amat besar terhadap kebangkitan empayar Melayu di setiap negeri. Penjajahan meninggalkan kesan yang mendalam dari perspektif psikologi, tingkahlaku dan corak pemikiran masyarakat Melayu. Kehidupan yang digambarkan adalah kekuatan bangsa terletak kepada keberanian diri, kecekalan dan ketabahan dalam menghadapi liku-liku kehidupan.

Majoriti pahlawan Melayu tergolong daripada rakyat biasa dan segelintir sahaja daripada golongan pembesar Melayu. Hal ini demikian kerana, wujud jurang kemiskinan yang sangat besar di antara lapisan pemerintah dan golongan diperintah atas dasar-dasar British serta penguasaan terhadap ekonomi negara. Hakikatnya pada masa kini kehidupan sangat berbeza, negara bukan di medan peperangan lagi namun keberanian perlu disesuaikan dengan zaman iaitu keberanian dalam bersuara menegakkan keadilan, menjaga kesucian agama dan memelihara kedudukan bangsa di Malaysia. Pada rangkap kedua sajak menerangkan makna bahawa masyarakat Melayu terdahulu terkenal dengan sifat amarah diseliputi dengan keberanian dalam bekorban apa jua termasuk jiwa dan raga mereka demi tanggungjawab kepada negara. Selain itu, dalam rangkap ini juga mengaitkan peristiwa penentangan Haji Hassan Bin Panglima Mat Munas yang dikenali sebagai Tok Janggut yang berpegang kepada prinsip Islam tidak menuruti corak pemerintahan orang bukan Islam. Menurut Ainur Aisyah Norharidan dan Khazri Osman (2022), perjuangan dakwah adalah usaha mengubah kehidupan manusia yang lebih sempurna dengan mengasingkan kebatilan daripada kebenaran dan membawa perubahan dalam sosiobudaya masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, sistem feudal yang diperkenalkan oleh British menindas ekonomi orang Melayu pada ketika itu bekerja sebagai petani. Kehidupan orang Melayu di Kelantan pada ketika itu mengalami desakan hidup kerana pelbagai cukai yang dikenakan oleh pihak British kepada warga tempatan. Oleh itu, menerusi sajak ini jelas bahawa kehidupan masyarakat Melayu terdahulu sangat memuliakan Islam sehingga berani berjihad untuk memerangi golongan penjajah.

Mesej utama yang disisipkan di dalam sajak ini adalah nilai keberanian yang ditonjolkan di masa lalu perlu dicontohi kerana pemimpin yang berani pasti menjaga kesucian agama di samping membantu mencari penyelesaian yang berkesan

kepada setiap masalah. Dari sudut pandang pengkaji terhadap generasi kini, di dapati bahawa kebebasan bersuara di benarkan di Malaysia tanpa menyentuh isu sensitif. Hak bersuara ini sebagai saluran yang tepat kepada generasi baharu untuk menyampaikan pandangan kepada tumpuk kepimpinan. Malah, keberanian juga bukan bertujuan memecah belah perpaduan, namun nilai tersebut lebih kepada membina kesepakatan antara kaum untuk menjalinkan kerjasama yang erat untuk mengelakkan berlakunya konflik dalaman serta perkauman. Tambahan lagi, kesan perjuangan orang Melayu semakin ketara semasa pasca kemerdekaan yang ingin memastikan kebebasan sepenuhnya supaya segala aspek pemerintahan dikelola oleh orang tempatan. Hasil nilai kemasyarakatan ini telah membawa kepada kemakmuran dan perkembangan negara berada dalam keadaan stabil. Generasi kini perlu menyelami peristiwa Tok Janggut bagi memahami erti jihad dan semangat keberanian. Anak muda mesti mempunyai tahap keberanian yang tinggi agar tidak mudah dipergunakan oleh mana-mana individu yang membawa kepada isu rahuah dan penyalahgunaan kuasa. Oleh itu, peristiwa bersejarah ini banyak mempengaruhi pembentukan sajak *Sumrah Berdarah* yang dicipta oleh Ramli Abdul Halim seperti berikut;

### **Sumrah Berdarah**

Berdiri gagah lelaki hebat  
Kemas semangat  
Dengan janggut lebat  
Menghunus keris tak pernah berkarat  
Bersiap siaga dengan langkah pancak silat  
Tidak ramai yang berani rapat  
Dengan niat jahat

Cerlung matanya bagaikan bom berangkai  
Batuk dehamnya laksana peluru scud  
Rengus marahnya umpama stinger dan patriot  
Sumrah berdarahnya

Setapak agen yang dinamakan anjing penajah  
Datang membawa perintah menyerah  
Atas namanya penentang penajah  
Bumi Jeram pasti bertukar menjadi merah  
Oleh banjir dan aliran darah  
Angkara Haji Hassan Munas  
Yang haram tunduk pada penajah.

(*Suara Wirawan Negara Bangsa* Halaman 43)

#### **4.4 Prinsip Ketiga: Peranan dan Pengaruh Karya Kepada Pembaca**

Menerusi prinsip ketiga sosiologi, pengkaji mendapat terdapat dua buah sajak daripada himpunan buku *Suara Wirawan Negara Bangsa* yang mempunyai hubungan pengarang dengan masyarakat.

Sajak bertajuk *Demi Keperluan* merupakan nasihat pengarang kepada pembaca tentang kepentingan ilmu dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana, kepakaran dan pendidikan adalah sumber yang penting dalam kehidupan bermasyarakat. Sajak ini banyak memberikan panduan kepada pembaca dalam meniti kejayaan menerusi ilmu pendidikan. Pengarang cuba menyampaikan kepada pembaca dengan memberikan penekanan terhadap aspek pendidikan sememangnya penting untuk membentuk seseorang manusia. Dengan mempelajari ilmu pengetahuan akan mendatangkan kesan yang baik terhadap diri setiap individu serta dapat membentuk keperibadian seseorang. Setiap individu telah di pupuk sejak kecil lagi dalam mempelajari ilmu pengetahuan supaya dapat menjadi insan yang berguna kepada masyarakat, agama dan negara. Menurut Mohd Yusof Hussain et.al, (2011), hubungan sosial dan ilmu berpotensi melahirkan semangat perpaduan dengan membentuk satu jaringan komuniti yang sempurna. Nilai kemasyarakatan yang dapat dikaitkan di dalam sajak di ini adalah nilai berilmu. Ilmu pengetahuan sangat penting kerana dengan ilmu juga telah membuka mata dan minda masyarakat Melayu terdahulu untuk

mengembalikan hak yang telah dirampas. Berdasarkan rangkap pertama penulis menggunakan unsur alam iaitu “embun” sebagai perlambangan yang memberikan makna bahawa ilmu tidak diperoleh dengan mudah malah ia perlu dituntut dan dipelajari dengan ketekunan tinggi bagi menguasainya. Oleh hal yang demikian, pengkarya cuba menyampaikan bahawa kebijaksaan mampu menaikkan darjat seseorang. Buktinya pada era sebelum kemerdekaan telah wujud sistem pendidikan di Tanah Melayu iaitu sekolah vernakular yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Akan tetapi hanya segelintir masyarakat berasal daripada keluarga bangsawan dalam susun lapis sosial yang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi. Pendidikan yang diberikan hanya sekadar asas sebagai strategi British untuk mengekang kebangkitan orang Melayu. Pengertian dalam rangkap kedua adalah berbentuk nasihat iaitu ilmu pengetahuan yang diperolehi tidak boleh di salah guna sehingga menentang hukum dalam ajaran Islam.

Dari sudut sosiologi, masyarakat terdahulu menggunakan akal dan pengetahuan dengan sebaiknya bukan sebagai kemegahan atau mengeksploitasi kekayaan. Pemimpin negara dan rakyat berunding bersama bertukar pandangan dan idea dalam mencari inisiatif demi menyelesaikan permasalahan negara. Keberkatan ilmu sangat penting kerana ia menentukan nasib dan kehidupan dari pelbagai aspek. Menurut Amini Amir Abdullah (2014), menyatakan bahawa penguasaan pelbagai jenis ilmu dari sisi Islam mampu mencipta modal insan minda kelas pertama dan memberi kesan ke atas pengukuhan akhlak seseorang manusia. Di samping itu, pada rangkap ketiga pula membawa makna ilmu mampu menghindari masyarakat daripada melakukan kerosakan dan pembaziran. Hal ini demikian kerana, manusia berupaya berfikir secara logik dalam mengenal pasti kesan dan akibat daripada perbuatan. Pembaziran bukan sahaja tertumpu kepada penggunaan sumber air, namun dari segi

sumber makanan. Walhal zaman penjajahan terdahulu masyarakat Melayu bersyukur dengan apa juu sumber makanan yang diperolehi.

Oleh itu, pemikiran Ramli Abdul Halim sebenarnya sarat dengan aspek kehidupan masa lalu digunakan sebagai bentuk pandangan dan nasihat kepada generasi kini. Masyarakat kini perlu menggunakan pengetahuan dengan sebaiknya dalam membezakan baik dan buruk. Kemajuan infrastruktur pendidikan serta kemajuan digitalisasi banyak memberikan kesan positif namun bergantung kepada kebijaksanaan individu sendiri dalam memanfaatnya. Kebijaksanaan yang ada pada generasi muda akan mencipta nafas baharu dalam kehidupan di mana terbentuknya hubungan positif dan kepuasan hidup (Belladina N Raharja dan Aisah Indati, 2019). Nilai masyarakat berilmu ditonjolkan untuk memperingati kepada bangsa Melayu tentang kepentingannya kepada bangsa, negara dan agama supaya tidak sewenangnya diambil kesempatan oleh pihak ketiga. Oleh itu, analisis ini dibuat berpandukan petikan sajak *Demi Keperluan* seperti dibawah;

### **Demi Keperluan**

Jangan harapkan embun  
Untuk bekalan air  
Kerana embun pagi di hujung daun  
Tidak akan mampu terkumpul walaupun hanya sebaldi  
Kalau pun ditadah setiap pagi

Kena mampu  
Cipta hujan  
Menggunakan teknologi tinggi  
Demi keperluan isi alam  
Asalkan jangan cuba  
Melawan kebijaksanaan  
Tuhan

Andai tidak upaya  
Mencipta miski pun cuma setitik hujan  
Amalkan tabiat jimat cermat

Dan bertanggungjawab menggunakan air  
Kerana boros dan membazir  
Amalan syaitan  
Musuh Tuhan.

(*Suara Wirawan Negara Bangsa* Halaman 11)

Selanjutnya, analisis prinsip ketiga diteruskan kepada sajak kedua iaitu *Api Sengketa* yang meninggalkan kesan emosi dan mempengaruhi mentaliti pembaca. Sajak ini berbentuk nasihat kepada seluruh lapisan masyarakat tentang pembentukan negara bangsa. Menerusi sajak ini, nilai kemasyarakatan yang dapat dikenal pasti ialah nilai perpaduan dalam membina sebuah negara yang aman dari setiap perkara. Menurut Abd Aziz A'zmi et. al, (2017), perpaduan adalah asas kemakmuran negara kerana melibatkan percampuran kaum dan sekiranya wujud ketidaksefahaman membawa kepada pertelagahan seterusnya menghalang kedamaian. Pada rangkap pertama sajak didapati penulis menggarapkan mesej mengenai hasrat dan cadangan beliau supaya masyarakat di Malaysia bersatu hati tidak mengira pangkat dan darjah dalam susun lapis sosial. Hal ini demikian kerana, rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik yang memerlukan sebuah kesefahaman untuk melahirkan identiti negara yang stabil. Nilai perpaduan menjadi asas utama untuk memperkasakan semangat cinta akan tanah air dan melahirkan masyarakat penyayang. Semangat perpaduan merupakan asas kepada kemakmuran sesebuah negara jika masyarakat bersatu hati dalam membentuk perpaduan yang unggul. Penulis ingin menyampaikan mesej kepada pembaca bahawa sebagai masyarakat seharusnya mempunyai semangat bekerjasama dalam menjalankan hubungan baik sesama masyarakat agar keharmonian dalam negara sentiasa terpelihara. Sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat yang bersatu telah mewujudkan sebuah nafas baru malah membentuk revolusi kepada pembangunan negara. Para pemimpin tertinggi negara juga memainkan peranan penting kerana mereka menjadi penanda aras kepada rakyat.

Justeru, rangkap pertama turut mempunyai pengisian menjurus kepada para pemimpin dengan menyeru supaya mengetepikan perebutan kuasa kerana negara dan rakyat memerlukan kebijaksanaan dalam kepimpinan agar Malaysia terus harmoni. Oleh hal yang demikian, sajak ini dicipta memperlihatkan keresahan dan kekuاثiran pengkarya terhadap semangat perpaduan kini wujud jurang antara pemimpin dengan rakyat. Peristiwa hitam 13 Mei 1969 menjadi titik sejarah berdarah kerana ketegangan hubungan antara kaum telah mengorbankan banyak nyawa. Dengan mengaitkan peristiwa ini, sebagai pembaca ia meninggalkan kesan kesedihan dan keinsafan atas kekhilafan di masa lalu. Sudah semestinya pembaca akan terkesan dengan penuh perasaan bahawa masyarakat pada zaman dahulu telah banyak berkorban untuk negara tercinta demi memperjuangkan hak bangsa untuk mencapai kemerdekaan. Jurang ekonomi dan politik menyebabkan perpaduan kian memudar berbanding pada era sebelum kemerdekaan. Perkara ini berbeza oleh kerana perpaduan masyarakat Melayu terdahulu utuh kerana adanya pemimpin berjiwa rakyat seperti Tunku Abdul Rahman digelar Bapa Kemerdekaan. Sepanjang pentadbirannya, aspek kerjasama antara kaum berjaya dibentuk seterusnya mengatasi cabaran politik. Perpaduan yang dibentuk oleh Tunku Abdul Rahman terhasil daripada usaha mewujudkan kerjasama politik pada tahun 1952 menerusi Parti Perikatan gabungan dua buah komponen parti iaitu UMNO dan MCA. Berdasarkan peristiwa ini, mempamerkan kredibiliti seorang pemimpin yang mementingkan perpaduan secara holistik. Umumnya, kehebatan dan ketokohan Tunku Abdul Rahman telah menjadi asas kepada pembentukan negara dan secara langsung sebagai pembaca ini menjadi faktor penguat untuk membentuk pelapis kepimpinan berjiwa bangsa dan menyayangi negara.

Pada rangkap kedua sajak merupakan kesan negatif yang bakal berlaku kerana membiarkan keretakan perpaduan berpanjangan. Perkara ini dijelaskan pada

baris ayat keenam iaitu “Rakus membina menara peribadi” yang diertikan bahawa golongan pemimpin lebih mementingkan darjat dan membina kekayaan untuk diri sendiri sehingga lupa dengan tanggungjawab kepada sosial dan ekonomi negara. Permasalahan di dalam negara berlaku akibat wujud segelintir pihak bersikap penting diri dan sifat tamak ini akhirnya membawa kepada kemerosotan ekonomi negara seterusnya menambah beban rakyat di dalam kehidupan. Pengkarya memberikan gambaran awal bahawa negara akan mengalami kejatuhan kerana kelemahan semangat perpaduan dalam generasi muda kini. Oleh hal yang demikian, pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengkarya adalah individu yang diberikan kuasa dan kepercayaan dalam mentadbir negara perlu menangani permasalahan semasa dengan mengetepikan kepentingan peribadi. Menurut Zaharah Hassan, Abu Daud Silong dan Nazri Muslim (2009), kepimpinan beretika iaitu sikap dan tingkah laku ketua memberi pengaruh besar dalam perlakuan setiap anggota bawahan di samping meningkatkan prestasi tadbir urus yang lebih baik. Oleh itu, masyarakat kini perlu berganding bahu membina semula perpaduan dengan usaha dan berpandukan kaedah yang lebih berkesan. Pengarang menyelitkan peristiwa di masa lalu untuk memberi kesedaran khalayak dan mendidik generasi muda melalui gambaran sebenar kesan dan akibat daripada sesuatu perbuatan. Oleh itu, sajak *Api Sengketa* adalah sindiran berbentuk nasihat yang dapat dilihat menerusi petikannya seperti berikut;

### **Api Sengketa**

Membina bangsa

Kerja bersama

Ketepikan gila kuasa

Haloba melata

Duduk semeja

Pelankan, bahaskan dan persetujukan

Penyatuan ketuanan

Elakkan anak kecil

Bermain api

Dan dibiarkan hatinya yang sepi  
Hangus terbakar  
Dakan relau gila kuasa  
Rakus membina menara peribadi  
Negara dan bangsa  
Hangus dan lebur  
Dibakar api sengketa  
Sesama sendiri.

(*Suara Wirawan Negara Bangsa* Halaman 21)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat tiga sajak terpilih daripada prinsip pertama hubungan pengkarya dengan masyarakat bertajuk *Siasah*, *Suara Wirawan Negara Bangsa* dan *Keazaman*. Bagi prinsip kedua pengaruh persekitaran wujud di dalam sajak merangkumi tiga sajak terpilih iaitu *Bangsaku*, *Tok Awang* dan *Sumpah Berdarah*. Manakala, prinsip ketiga iaitu peranan dan pengaruh karya kepada pembaca meliputi dua sajak yang dianalisis iaitu *Demi Keperluan* dan *Api Sengketa*. Oleh itu, keseluruhan lapan sajak ini mengandungi inti pati berkaitan kehidupan di masa lalu dan di masa kini yang disesuaikan dengan realiti berdasarkan peristiwa dan sejarah di Malaysia.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab kelima ini adalah bab yang terakhir di dalam kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji iaitu bahagian kesimpulan kajian. Menerusi bab ini meliputi rumusan secara keseluruhan terutamanya pada analisis di dalam dapatan kajian yang telah dilakukan. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan mengenai implikasi atau kesan positif penyelidikan dan cadangan di masa hadapan dalam membantu perkembangan kajian terhadap puisi moden berunsurkan nasionalisme kerana mempunyai mesej dan pemikiran yang tinggi selain menambah maklumat untuk rujukan di masa hadapan kepada bakal pengkaji.

#### 5.1 Rumusan Kajian

Kajian ini merupakan analisis terhadap nilai-nilai kemanusiaan menerusi sajak terpilih *Suara Wirawan Negara Bangsa* berdasarkan teori sosiologi. Secara rumusannya, kajian ini berkaitan himpunan sajak pada buku *Suara Wirawan Negara Bangsa* iaitu dengan menggunakan teori sosiologi yang menerangkan aspek prinsip-prinsip sosiologi dalam kehidupan. Pengarang ingin menyampaikan mesej kepada masyarakat bahawa setiap sajak yang digarap mempunyai makna yang jelas dalam menjalani kehidupan bermasyarakat. Prinsip teori sosiologi sememangnya berhubungkait terhadap sejarah serta kesusasteraan yang melihat dari sudut pandang

latar masyarakat di dalam teks sajak penyelidikan. Aspek seperti elemen sosial dinilai dalam kehidupan manusia untuk membentuk sebuah pembangunan sosial yang membawa kepada kesatuan merangkumi etika, budaya, sejarah, politik dan ekonomi. Teori sosiologi dalam *Suara Wirawan Negara Bangsa* mengkaji segala persoalan yang cuba diangkat oleh pengarang iaitu meliputi isu sosial negara termasuklah aspek pemerintahan yang mencetuskan semangat perjuangan dalam kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Teori sosiologi digunakan berlandaskan kepada tiga aspek prinsip yang terdapat dalam analisis iaitu pada prinsip pertama menjelaskan hubungan pengarang dengan masyarakat. Prinsip kedua pula menerangkan berkenaan pengaruh persekitaran seperti faktor politik merupakan pendorong utama dalam pembentukan sajak manakala melihat prinsip ketiga pula adalah peranan karya sajak terhadap pembaca memberikan kesan mendalam terhadap pembaca apabila ditelusuri makna tersurat dan tersirat yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Kajian yang dihasilkan ini juga bertujuan untuk memupuk pembaca terhadap sesuatu karya supaya masyarakat dapat mengetahui dengan jelas mesej yang disampaikan oleh pengarang. Sajak ini banyak memberikan gambaran kehidupan masyarakat serta renungan yang harus diambil supaya setiap pembaca lebih mendalami makna ada terkandung dalam sajak tersebut. Setiap karya yang telah dihasilkan oleh Ramli Abdul Halim sememangnya penting dalam membentuk jati diri dan memupuk pemikiran yang unggul disebabkan banyak nilai-nilai pengajaran yang boleh diterapkan dalam hidup bermasyarakat supaya setiap manusia dapat membentuk suatu tamadun dan bangsa yang harmoni. Kajian ini juga berkait dalam mengenal pasti nilai-nilai kemasyarakatan dan mengkaji pemikiran yang mempunyai pengajaran dalam kehidupan masyarakat dengan diperincikan beberapa tema berkaitan perjuangan masyarakat Melayu dahulu yang telah banyak mengorbankan segala

termasuk nyawa mereka. Masyarakat haruslah mencontohi sifat yang wujud dalam diri pahlawan terdahulu kerana mereka telah banyak menaburkan jasa baik terhadap negara Malaysia. Pengarang juga ingin menyampaikan makna bahawa betapa susahnya menempuh keperitan pada zaman penjajahan kerana untuk mengecapi kemerdekaan negara bukanlah perkara mudah tetapi ianya harus diselit dengan pengorbanan dan kesepaduan antara semua masyarakat. Oleh itu, kajian ini sememangnya penting bagi pengkaji untuk memastikan kelangsungan kajian terhadap puisi moden haruslah sentiasa diangkat kerana aliran penyelidikan terhadap sajak tempatan ini berkurangan. Hal ini dikatakan kerana sajak seperti ini sarat dengan aspek patriotisme yang memberikan kesan mendalam terhadap emosi pembaca serta boleh mempengaruhi pemikiran seseorang individu dalam membentuk keperibadian nilai-nilai moral. Pengkarya telah banyak memupuk elemen pengajaran dan diharapkan supaya karya sajak ini memberikan teladan yang baik kepada semua pembaca yang menghayati dan menjiwai makna yang terkandung dalam sajak tersebut.

Oleh itu, berdasarkan kajian ini pengkaji dapat menyimpulkan bahawa dapatan kajian yang diperolehi telah menjawab objektif pertama kajian iaitu mengenal pasti nilai-nilai kemasyarakatan yang terkandung dalam sajak terpilih *Suara Wirawan Negara Bangsa* menggunakan teori sosiologi serta turut menjawab objektif kedua kajian berkaitan pemikiran dan nilai pengajaran pada sajak terpilih *Suara Wirawan Negara Bangsa* karya Ramli Abdul Halim dalam konteks masyarakat kontemporari.

## 5.2 Implikasi Kajian

Karya sajak Ramli Abdul Halim telah banyak memberikan manfaat terhadap dunia kesusasteraan. Hal ini kerana karya yang terkandung dalam sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* mendatangkan kesan positif yang dapat membentuk jati diri dalam membangunkan masyarakat. Sajak tersebut mempunyai pelbagai mesej yang cuba disampaikan kepada pembaca supaya mereka peka dengan keadaan masa lalu kerana pejuang tanah air memberikan kedamaian dan kemakmuran terhadap negara. Sekiranya tiada usaha dan kesepakatan sesama masyarakat sudah pasti negara akan dijajah semula oleh kerana faktor kepimpinan itu sendiri telah merosakkan pentadbiran dalam sesebuah masyarakat. Semua pembaca sewajarnya menyelami dan menghayati setiap dasar makna dalam sajak tersebut tentunya memberikan rasa keinsafan dalam diri dalam mempertahankan semangat patriotisme supaya masyarakat dapat menjalani kehidupan yang berorientasikan pemerintahan yang sistematik.

Dengan kehebatan kepengarangan pengarang telah berhasil dalam memberi ilmu pengetahuan dalam sajak tersebut serta pengarang telah menerapkan unsur nilai jati diri kepada seseorang individu untuk membentuk akhlak yang terpuji di samping bertanggungjawab dalam memimpin negara dari pelbagai aspek meliputi politik, ekonomi dan sosial. Hal ini memberi kesan baik terhadap pembaca kerana mereka bukan sahaja memahami makna tersirat yang ingin disampaikan oleh pengarang malah pembaca juga dapat membuka minda melalui pemikiran yang disisipkan dalam sajak tersebut bagi mencapai matlamat dalam kehidupan bermasyarakat. Perkara ini telah memberikan kesan yang mendalam terhadap pembaca bahwasanya masyarakat pada masa kini haruslah menitikberatkan pendirian teguh dan semestinya memupuk semangat keberanian dalam menegakkan kebenaran dalam memperjuangkan

kemerdekaan serta memupuk kesejahteraan dalam masyarakat. Oleh itu, sajak ini banyak memberikan panduan kepada pembaca supaya mereka jelas dan memahami konsep hidup bermasyarakat yang perlu menjalankan hubungan yang baik dalam membentuk pembangunan negara supaya menjadi insan yang berguna kepada agama dan bangsa.

Masyarakat zaman kini sememangnya tidak boleh memandang enteng terhadap karya sastera yang dihasilkan kerana setiap pengarang mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan mampu menghasilkan karya yang bermutu tinggi dalam memberikan didikan kepada semua golongan masyarakat. Setiap makna sajak yang cuba disampaikan oleh pengarang kepada masyarakat mendatangkan kesan positif dalam penghasilan sesebuah karya. Pengarang telah meneliti semua aspek sajak yang tersirat untuk memberikan pengajaran kepada masyarakat bahawa setiap individu mestilah menyemai semangat nasionalisme supaya dapat membentuk kesepatan antara kaum di samping memupuk keharmonian bersama. Dalam hal ini, masyarakat zaman kini seharusnya bekerjasama dalam menentang penjajah supaya pembangunan negara sentiasa terpelihara dan dipimpin oleh pentadbiran yang lurus. Sistem pentabiran negara adalah elemen terpenting dalam memacu kemakmuran sesebuah negara agar masyarakat dapat hidup dalam keadaan yang selesa. Kehidupan masyarakat zaman dahulu memberikan banyak pengajaran yang boleh diambil kerana masyarakat pada waktu itu hanya mementingkan kemakmuran serta kesepadan bersama yang membolehkan mereka hidup dalam situasi kemelut penjajahan. Oleh itu, kesan yang boleh diperlakukan dalam diri masyarakat kini seharusnya memupuk nilai jati diri yang cekal dan sanggup menempuh segala rintangan yang datang. Peranan ini akan memberikan kesan baik terhadap generasi akan datang dengan sentiasa berusaha menjadikan negara sebagai tunggak utama dalam merealisasikan

pembangunan ekonomi, politik dan sosial. Sajak ini memberikan kesan terhadap masyarakat dengan menyeru kita mestilah sentiasa memupuk hubungan yang baik sesama insan terhadap semua golongan serta menyayangi tanah air yang telah diperjuangkan oleh nenek moyang pada zaman dahulu. Penindasan dan keperitan masyarakat Melayu dahulu telah menyedarkan kita semua dalam semua aspek termasuklah menghargai jasa baik pahlawan yang mengorbankan nyawa mereka.

Selain itu, kesan positif terhadap kajian ini ialah pengkaji dapat merumuskan dan membincangkan mengenai nilai-nilai kemanusiaan menerusi sajak terpilih *Suara Wirawan Negara Bangsa* bersandarkan teori sosiologi. Karya Ramli Abdul Halim ini sarat dengan pengajaran yang boleh dijadikan panduan utama dalam meneruskan kehidupan. Kesan yang diperoleh adalah pengkaji dapat menimba ilmu mengenai nilai-nilai moral yang terkandung dalam sajak serta memberikan kesedaran terhadap semua golongan masyarakat. Kehidupan manusia adalah bergantung dengan perhubungan yang erat dalam membentuk tamadun bangsa yang sempurna. Dalam sajak ini meliputi semua aspek pengajaran yang boleh diguna pakai kepada generasi kini untuk dijadikan asas dalam sesebuah kehidupan. Pengkaji telah berusaha dalam mengangkat karya sajak ini untuk memupuk kesedaran dalam menjalani kehidupan semasa kerana jika tidak sudah pasti masyarakat akan lalai dan tidak lagi mementingkan kemakmuran bersama. Kemakmuran dalam sesebuah negara bergantung kepada hubungan sosial masyarakat itu sendiri untuk membentuk suatu identiti bangsa yang baik. Kebijaksanaan pengkarya Ramli Abdul Halim dalam sajak beliau menjelaskan bahawa mesej yang cuba disampaikan adalah realiti sebenar dalam menggambarkan kehidupan bermasyarakat pada ketika itu. Penghasilan sebuah karya beliau sangat menitikberatkan aspek nilai pengajaran serta banyak unsur makna tersurat dan tersirat yang boleh dijadikan panduan untuk membentuk keperibadian

mulia dalam diri. Jelaslah bahawa, kesan daripada nilai-nilai moral tersebut memberikan impak positif dalam kalangan masyarakat tidak kira agama dan bangsa. Kajian ini sememangnya wajar dijadikan panduan kerana kajian ini mendatangkan kesan baik terhadap masyarakat untuk lebih mengenal erti keperitan yang dialami oleh keeahlawanan dahulu dalam berjuang memperolehi kemerdekaan. Sekiranya masyarakat zaman kini tidak mementingkan kesejahteraan sudah pasti negara Malaysia akan dijajah semula oleh anasir luar. Oleh itu, pentingnya dalam memikul tanggungjawab bersama untuk menjadikan negara pada hari ini sentiasa diperlihara disamping mendatangkan kesan yang harmoni dalam sesebuah tamadun.

### **5.3 Cadangan**

Daripada hasil analisis kajian ini, pengkaji mencadangkan dua perkara yang perlu diambil perhatian dan tindakan untuk memastikan kelangsungan puisi moden dalam jangka masa panjang. Hal ini demikian kerana, lapan sajak terpilih ini dinilai dari sudut sosiologi yang mana melihat terhadap hubungan pengkarya dengan masyarakat, pengaruh di dalam sajak dan peranan sajak kepada pembaca. Berikut itu, cadangan ini difikirkan oleh pengkaji bersesuaian kepada masyarakat supaya berfikiran lebih terbuka dalam menilai estetika sesebuah karya kesusasteraan Melayu. Oleh itu, pengkaji memberikan cadangan seperti berikut.

#### **5.3.1 Memperkasakan Program Karya Kesusasteraan Melayu**

Program penciptaan karya kreatif bertujuan memberikan pendedahan terhadap karya kesusasteraan Melayu. Hal ini demikian kerana, perkembangan teknologi telah mengubah banyak persepsi generasi muda kepada aliran sains dan teknologi

maklumat berbanding kesusasteraan Melayu. Menerusi program ini, ia boleh dilaksanakan pada peringkat sekolah supaya aktiviti yang melibatkan penulisan dan penciptaan karya sastera seperti sajak mampu memupuk minat remaja di bangku sekolah. Usaha ini untuk melahirkan lebih ramai pelapis sastera kerana karya meliputi elemen kebebasan bersuara membuka peluang untuk membahaskan pelbagai perihal yang sensitif menggunakan perlambangan. Penghasilan karya sajak memerlukan minat dan teknik penghayatan yang betul untuk menghasilkan sajak berkualiti. Oleh itu, perlaksanaan program sastera di sekolah amat penting kerana sekolah adalah permulaan untuk mencungkil bakat dan minat para pelajar terhadap bidang sastera.

Malahan, program ini juga boleh dilaksanakan pada peringkat komuniti untuk memberi maklumat sebagai usaha untuk mengubah pandangan dan pemikiran masyarakat terhadap bidang sastera. Di samping itu, program ini memberi peluang kepada masyarakat untuk menguji bakat mereka dalam mengikuti aktiviti berteraskan sastera yang merupakan satu titik tolak untuk mempelajari aspek penghayatan dan kejiwaan menyelami sajak. Program ini memberi peluang penglibatan pelbagai lapisan umur kerana sastera bersesuaian kepada semua masyarakat kerana intipatinya penuh dengan makna dan pemikiran yang murni. Kaedah ini sebenarnya telah menyemai minat di dalam diri masyarakat terhadap karya sastera kerana kebaikan, manfaat dan estetikanya dapat dirasai. Malahan, program ini bukan sahaja melibatkan aktiviti berbentuk karya sastera namun pendekatan ini juga dilihat sebagai sebuah inisiatif untuk membina hubungan yang erat dalam sesebuah komuniti. Oleh itu, pihak berwajib perlu menilai cadangan ini untuk memelihara kelangsungan karya sajak terus hidup dalam masyarakat di masa hadapan.

### 5.3.2 Penulisan Karya Sajak dalam Pembentukan Akhlak Masyarakat

Karya sastera bukan sahaja sebagai penyampai pemikiran pengkarya berkaitan sesuatu permasalahan dan konflik yang telah berlaku atau sedang berlaku tetapi ia juga perlu melihat kepentingan sajak terhadap pembentukan sosial. Perkara yang perlu menjadi tumpuan adalah membentuk pemikiran dan perilaku masyarakat yang lebih positif dengan mencipta karya sajak yang lebih berkesan kepada jiwa pembaca. Kebiasaanya pengkarya membawa pemikiran berbentuk realiti berdasarkan pengalaman sebenar pengkarya dengan menyisipkan unsur perasaan. Bagi memantapkan sajak pada masa kini, pengkarya perlu melihat pemikiran dan gaya hidup masyarakat kini. Hal ini demikian kerana, pendekataan sajak perlu diubahsuai untuk disesuaikan dengan jiwa generasi muda. Pengkarya perlu menyisipkan mesej yang mempunyai emosi tertentu serta meletakkan nasihat yang menyentuh sebab dan akibat terhadap sesuatu permasalahan semasa. Dalam menarik minat masyarakat untuk membaca dan memahami sajak, teknik kepenggarangan perlu menerapkan ayat lebih ringkas berbanding bahasa kompleks untuk memastikan kefahaman pembaca dan pemikiran sebenar pengkarya adalah selari maknanya.

Selain itu, sajak-sajak berkualiti daripada pengkarya perlu didedahkan kepada pelajar di peringkat universiti melalui sumber terbuka. Hal ini demikian kerana, karya-karya baharu ini mampu memberikan idea iaitu panduan kepada penulis baharu untuk membantu mencipta sajak di samping memahami kaedah menyisipkan makna yang jelas. Oleh hal yang demikian, pelapis baharu bukan sahaja mampu mengarang sajak malah ia akan mempengaruhi keperibadian mereka, mengubah gaya hidup dan membentuk pemikiran yang optimistik.

### 5.3.3 Pengkaji Lain

Kajian terhadap himpunan sajak di dalam buku *Suara Wirawan Negara Bangsa* perlu diteruskan oleh pengkaji di masa hadapan dengan batasan atau skop kajian yang berbeza. Banyak perkara perlu diteliti daripada sajak ini oleh kerana ia meliputi 105 buah sajak yang mempunyai pelbagai tema dan sarat dengan pemikiran yang unik. Oleh hal yang demikian, pengkaji mencadangkan bahawa kelangsungan kajian ini seharusnya menilai nilai estetika dan nilai moral yang terkandung di dalam sajak dengan berpaksikan kepada teori yang bersesuaian. Dalam kajian ini sememangnya sangat penting untuk dijadikan sebagai pedoman kerana terdapat banyak maklumat yang disampaikan oleh pengarang kepada pembaca. Semua masyarakat yang membaca sajak ini pastinya dapat meningkatkan nilai-nilai moral dalam diri supaya menjadi seorang insan yang cemerlang. Diharapkan supaya kajian mengenai sajak dalam buku *Suara Wirawan Negara Bangsa* tidak akan pupus ditelan zaman kerana sajak tersebut mendatangkan kesan-kesan yang mendalam kepada masyarakat.

Oleh itu, pengkaji ingin pengkaji lain meneruskan kajian ini terhadap sajak-sajak lain yang dicipta oleh Ramli Abdul Halim di dalam buku *Suara Wirawan Negara Bangsa* perlu diketengahkan dan dibawa ke persada dunia kerana kematangan pemikiran dan mempunyai kepelbagaian mesej yang berguna kepada masyarakat kini.

#### 5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat menyumbang faedah kepada golongan masyarakat terutama kepada generasi muda untuk mengambil iktibar dan menerapkan nilai kemasyarakatan ini dalam memperbaharui norma kehidupan. Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan titik sentuhan kepada pihak tertentu dalam kepimpinan negara untuk menambahbaik pentadbiran dari sudut dalaman dan pengoperasian supaya kebijakan semua masyarakat dapat dipelihara dan memandu ke arah keharmonian sejagat. *Suara Wirawan Negara Bangsa* mempunyai mesej berkait dengan sejarah iaitu realiti kehidupan di masa lalu yang diterjemah berdasarkan dengan situasi negara dan sosial kehidupan kini. Lapan sajak yang dipilih adalah hasil daripada pemilihan berdasarkan penilaian pengkaji terhadap tema dan intipati dalam sajak. Jika diselami setiap sajak yang dicipta sarat dengan mesej penting sama ada terbentuk untuk memberikan nasihat, pedoman maupun sindiran. Kesemuanya adalah bertujuan untuk mendidik masyarakat dan memberi penyelesaian kepada permasalahan.

Selain itu, pengkaji berharap bakal pengkarya menghasilkan karya sastera yang mempunyai perlapisan makna yang tinggi untuk mengekalkan martabat karya sastera bermutu tinggi supaya kekal relevan dijadikan panduan kepada masyarakat pada masa kini serta di masa hadapan. Karya sastera seperti *Suara Wirawan Negara Bangsa* perlu diangkat dan diberikan perhatian kerana himpunan sajak di dalamnya adalah idea berdasarkan pengalaman dan peristiwa sebenar. Pengkarya menyelitkan pemikirannya bukan untuk keuntungan tetapi lebih kepada memberi kesedaran kepada khalayak umum. Oleh hal yang demikian, tugas dan tanggungjawab masyarakat adalah memberi sokongan bukan sahaja terhadap puisi tradisional malah puisi moden turut mempunyai ketinggian dari segi makna dan bahasa yang digunakan.

## RUJUKAN

- Abd Aziz A'zmi et. al. (2017). Realiti Kepelbagaian Kaum Ke Arah Perpaduan Nasional Pasca Merdeka. *Jurnal Sains Sosial*, (2), 1–24.
- Abdul Halim. (2017). Perdebatan Antara Kaum Mengenai Isu Kerakyatan Sebelum Merdeka. *Jurnal Sejarah*, 18 (18), 55–86.  
<https://doi.org/10.22452/sejarah.vol18no18.4>
- Amini Amir Abdullah. (2014). Ilmu Teras Masyarakat Berminda Kelas Pertama. Dalam *Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadari* (pp. 2–28). Diperoleh daripada <https://www.researchgate.net/publication/344648329>
- Aimi Khairunnisa dan Nurliana. (2020). Kepentingan Teori dan Ilmu Sosiologi dalam Konteks Pendidikan Menurut Perspektif Ibnu Khaldun. *Jurnal Tuah*, 1, 41–53.
- Ainur Aisyah Norharidan dan Khazri Osman. (2022). Perjuangan Dakwah Haji Hassan bin Panglima Mat Munas (Tok Janggut) di Tanah Melayu. In *Seminar Dakwah dan Wahdah Al-Ummah* (pp. 1–15).
- Ali dan Nor Azilah. (2021). Hubungan Etnik di Tanah Melayu, 1941-1955: Penelitian Awal Berdasarkan Sudut Pandangan Sejarah. *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, 30 (30), 5–24
- Asbol Mail. (2011). Dibalik Tersurat, Apa Tersirat: Pentafsiran Sejarah Alam Melayu Menurut Hamka. Dalam *Seminar Nuusantara Buya Hamka*.  
<https://doi.org/10.13140/RG.2.2.20268.72324>
- Asyraff dan Mary Fatimah. (2021). Realisme Ekonomi Masyarakat Malaysia Dalam Karya Indie. *Asian People Journal (APJ)*, 4 (1), 11–25.  
<https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.191>
- Azhar. (2018). Pendidikan Sastera Melayu Memperkuuhkan Pembinaan Karakter Pelajar. *Jurnal Peradaban Melayu*, Jilid 13, 1–14.
- Belladina N Raharja dan Aisah Indati. (2019). Hubungan antara Kebijaksanaan dengan Kepuasan Hidup pada Remaja. *Gadjah Mada Journal of Psychology*, 4(2), 96. <https://doi.org/10.22146/gamajop.46354>
- Dirham. (2019). Gaya Kepimpinan yang Efektif. *Journal of Islamic Management and Bussines*, 2(1), 1–8. Diperoleh daripada <http://scholar.google.co.id/scholar?hl=id&q=gaya+kepimpinan&btnG=#3>
- Eizah, Tengku Intan dan Zahir. (2021). Analisis Nilai Murni Dalam Manuskrip “Hikayat Saerah Dengan Suami”. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9 (2), 15–23.
- Elizabeth Rumayar. (2011). Bagaimana Menciptakan Hubungan Yang Baik Dengan Orang Lain. *Jurnal Ilmiah Unklab*, 15(2), 78–88.
- Fairuzah Bt.Basri, Farahdina Bt.Abdul Manaf, & Mujaini B.Tarimin. (2019). Cabaran dan pemantapan budaya Melayu dalam penerusan tamadun Melayu. In *Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Kedua* (pp. 1–13). Diperoleh daripada [https://www.researchgate.net/publication/332110585\\_Cabaran\\_dan\\_Pemantap](https://www.researchgate.net/publication/332110585_Cabaran_dan_Pemantap)

## an\_Budaya\_Melayu\_dalam\_Penerusan\_Tamadun\_Melayu

- Franco, Z. E., Blau, K., dan Zimbardo, P. G. (2011). Heroism: A Conceptual Analysis and Differentiation between Heroic Action and Altruism. *Review of General Psychology*, 15 (2), 99–113. <https://doi.org/10.1037/a0022672>
- Hafizuddin Sham Shul Bahri dan Razali Musa. (2021). Sorotan Perjuangan Nasionalisme Melayu Mengikut Perspektif Islam. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 1(2), 115–123. Diperoleh daripada <http://www.myedujournal.com/index.php/ijcerhs/article/view/54%0Ahttps://www.myedujournal.com/index.php/ijcerhs/article/download/54/55>
- Hassan Mustafa. (2011). Perilaku Manusia Dalam Perspektif Psikologi Sosial. *Jurnal Aministrasi Bisnis*, 7 (2), 143–156. <https://doi.org/10.1159/000074314>
- Ibrahim, R., Hasan, M. R., & Hamid, B. A. (2018). Takrif Kepimpinan, Ciri-Ciri Pemimpin dan Motivasi untuk Memimpin menurut Sudut Pandang Pemimpin Wanita Akar Umbi. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (Sea Journal of General Studies)*, 19, 28–42. <https://doi.org/10.17576/malim-2018-1901-03>
- Idris dan Rahimin. (2006). Sorotan Kajian Lepas: Teori dan Amalan Dalam Penyelidikan Islam. *Jurnal Fiqh*, 3 (1), 133–156. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol3no3.5>
- Idris Zakaria dan Ahmad Sunawari Long. (2013). Titik Temu Antara Falsafah dan Kehidupan Praktis. *International Journal of Islamic Thought*, 3(1), 37–44. <https://doi.org/10.24035/ijit.03.2013.003>
- Kamarul Azmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*. Diperoleh daripada [http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012\\_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf](http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf)
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka. Diperolehi pada April 6, 2022, daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kontemporari>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). *Carian Umum*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Diperolehi April 6, 2022, daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sosiologi>
- Maskur Rosyid. (2015). Dimensi Kemanusiaan Dalam Sistem Ekonomi Islam (Sebuah Kajian dengan Pendekatan Filsafat Hukum Islam). *Khazanah: Jurnal Studi Islam Dan Humaniora*, 13 (1), 56–66. <https://doi.org/10.18592/khazanah.v13i1.515>
- Megat Ayop Megat Arifin dan Abd Halim Ahmad. (2016). Kepentingan Budaya Integriti dan Etika Kerja Dalam Organisasi di Malaysia: Suatu Tinjauan Umum. *Malaysian Journal of Society and Space*, 9(9), 138–149.

- Mohamad Kamil. (1996). Sosiologi Islam: Suatu Pengenalan. *Jurnal Usuluddin, 3* (1955), 103–116. Diperoleh daripada [http://umijms.um.edu.my/filebank/published\\_article/7938/Jurnal.Usuluddin.03.1996-06.Kamil.Sosiologi.pdf](http://umijms.um.edu.my/filebank/published_article/7938/Jurnal.Usuluddin.03.1996-06.Kamil.Sosiologi.pdf)
- Mohd Faidz Mohd Zain et. al. (2011). Pengaruh Nasionalisme Melayu Mewarnai Budaya Politik Melayu Dalam Umno. *Jurnal Melayu, 2011(7)*, 193–216.
- Mohd Faradi. (2021). Gaya Bahasa Dalam Kepenggarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik Gaya Bahasa Dalam Kepenggarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik Penerima S . E . A Write Award Malaysia (Usman Awang) dan Indonesia (Afrizal Malna). *Online Journal of Language, Communication and Humanities,4* (1), 75–89.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Muhammad Nur Al-Hakim dan Mohammad Hanafiah. (2021). Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature,12* (1), 11–25.
- Mohd Rahimi Ramli et.al. (2020). Pengetahuan Dan Pengamalan Nilai Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Peribumi Di Sabah. *Jurnal Kinabalu, 26(2)*, 81–100. <https://doi.org/10.51200/ejk.vi.2764>
- Mohd Rumaizuddin Ghazali dan Mohd Rushdan Jalani. (2015). Kajian Semangat Patriotisme dan 1 Malaysia Dalam Kalangan Mahasiswa di Timur Tengah. *Al'Abqari Journal, 5*, 7–22.
- Mohd Yusof Hussain et.al. (2011). Hubungan Kejiraninan Dalam Membentuk Kesejahteraan Hidup Masyarakat “Kampung Bandar”: Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space, 7(3)*, 36–44. Diperoleh daripada <http://www.ukm.my/geografia>
- Mohd Yusof Othman et.al. (2012). Jati Diri Kebangsaan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 67–78. Diperoleh daripada <https://ejournal.ukm.my/jhadhari/article/view/12299/3907>
- Muhammad Zulazizi. (2018). Sosiologi Islam Pemungkin Pembangunan Insan Holistik. Dalam *Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam dan Wahyu 2018*.
- Mustari dan Bakhtiar. (2020). Implementasi Nilai Kemanusiaan dan Nilai Keadilan Pada Pekerja Perempuan (Analisis Terhadap Undang-Undang Ketenagakerjaan). *Jurnal Pemikiran, Penelitian Ilmu-Ilmu Sosial, Hukum dan Pengajarannya,15* (1), 36. <https://doi.org/10.26858/supremasi.v15i1.13484>
- Nik Murshidah et.al. (2018). Analisis Tekstual Sebagai Method Dalam Memahami Ungkapan Puisi Imam Al-Shafie R.H.M. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari,19* (1), 112–119. Diperoleh daripada <https://journal.unisza.edu.my/jimk>
- Niwana Sudirman. (2016). Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu,15* (2), 146–159.

- Noraini dan Ani. (2017). Analisis Pengarang Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa Karya Abdul Latip Bin Talib. *Jurnal Sains Humanika*, 9 (3), 17–35. <https://doi.org/10.11113/sh.v9n3.1.169>
- Norazimah. (2014). Konsep Kepengarangan Melayu Tradisional dan Peranan Penceritaan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 25 (1), 153–173.
- Norazimah. (2014). Peranan Pengarang Tradisi Dalam Melahirkan Masyarakat Pemikir. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 259–269. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.247>
- Norazimah dan et. al. (2019). Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2 (Jun), 78–87. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.26007>
- Norizam dan Shaiful. (2015). Kesusteraan Melayu Tradisional Sebagai Wadah Komunikasi Massa: Suatu Analisis. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 31 (2), 183–194. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2015-3102-12>
- Nordiana dan et. al. (2018). Identiti Nasional Dalam Penulisan Sajak Nasionalisme Bagi Pelajar Bukan Penutur Jati. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1 (Disember), 103–116.
- Norzita Jamil dan Siti Hadijah Che Mat. (2014). Realiti Kemiskinan Satu Kajian Teoritikal Realiti Kemiskinan : Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(1), 167–177. <https://doi.org/10.17576/JEM-2014-4801-14>
- Nurshahira Ibrahim Fariza Md Sham dan Azman Ismail. (2016). Gaya Kepimpinan Islam Satu Proses Transformasi Dalam Organisasi. *Reflektika*, 12(12), 43–58.
- Rahimah Abdul Aziz. (1990). Perapat Jurang: Sosiologi dan Sejarah. *Jurnal Jebat*, 18, 317–334.
- Rosmizi. Ghazali dan Phaosan. (2020). Keunggulan Kepengarangan Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6812 (1), 68–87.
- Rustina. (2014). Keluarga Dalam Kajian Sosiologi. *Jurnal Musawa*, 6 (12), 287–322.
- Setiawan Gunardi Mohammad Sahid dan Nur Mohammad Hadi Zahalan. (2020). Konsep Harmoni Yang Dinamik dalam Kehidupan Beragama di Malaysia Melalui Pendekatan Maqasid Syariah. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 23(2), 157–177. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol23no2.358>
- Shamsudin et. al. (2014). Penggunaan Gaya Bahasa Sastera Dalam Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 4 (1), 2180–4842.
- Siti Khariah. (2006). Penulisan Kreatif Dalam Menjana Minda dan Sumber Pendapatan Belia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 157–167.
- Sukayasa, E. A. (2014). Penginterasian Nilai-Nilai Kemanusiaan (Human Values) Dalam Pembelajaran Tematik Sekolah Dasar. Diperoleh daripada <http://jurnal.untad.ac.id/jurnal/index.php/Kreatif/article/view/2952/2030>

- Syafiqah dan Nur Afifah. (2020). Aspek Sosiologi Dalam Drama Buang Karya Roziah Adama. *Jurnal Wacana Sarjana*,4 (November), 1–14.
- Syamsidah dan Masittah. (2014). Makna Tersurat dan Tersirat Dalam Iklan di Radio Berdasarkan Teori Imej. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*,01, 65–75. Diperoleh daripada <http://ijleal.ump.edu.my/>
- Tjipto Subadi. (2008). Sosiologi. *Universitas Muhammadiyah Surakarta*,(Disember) 11-156
- Ungku Maimunah. (2006). Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastera dalam Sastera Melayu Moden. *Jurnal Akademika*,(Julai), 3–15.
- Vasanthan, Chander dan Nadrajan. (2019). Kesedaran Sensitiviti Moral Melalui Aktiviti Analisis Filem Pendek: Satu Kajian Tindakan di Kelas Pendidikan Moral. *Jurnal Pendidikan Malaysia*,44, 9–19. <https://doi.org/10.17576/jpen-2019-44.01-02>
- Zabidin. (2014). Mesej Nasionalisme dan Islam dalam Sajak-Sajak Zulkifli Muhammad. *Jurnal Pengajian Melayu*, (25), 211–231. Diperoleh daripada <https://samudera.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/25691>
- Zaharah Hassan. Abu Daud Silong dan Nazri Muslim. (2009). Kepimpinan Beretika dan Kecemerlangan Organisasi dalam Perkhidmatan Awam. *Jurnal Malim*, 10, 39–52.
- Zurina dan Hukil. (2008). Hubungan Nilai Masyarakat dan Pembangunan: Satu Analisa. *Jurnal Pengajian Umum*,(8), 77–94.